Bagi sajalah hadiah tu!
Nak tanya-tanya pulak

Eh! Betulke dia ini pemenang? Acara apa dia masuk?



Eh! Saya pun tak taulah. Entah, entah acara pelumba paling hitam.



Eh! Ini bukan stadium SEE, ini stadium Merdeka. Ah! Tahniah! Ini pingat kamu.
Aaaa... nanti bagi balik tau?!
Ah! Bagi sajalah!



SEKITAR PERLAWANAN AKHIR BOLA SEPAK MSSWP PADA 7 MEI 1994 DI STADIUM BOLA SEPAK MAKTAB PERGURUAN TEKNIK CHERAS KUALA LUMPUR



Pemain-pemain bola sepak MBS sedang bersiap-sedia melibatkan diri dalam pusingan terakhir supaya muncul sebagai juara. Semua kelihatan mempunyai semangat yang tinggi. Kali ini "Sure Win!"





Begitu berkeyakinan pemain-pemain MBS semasa menentang pihak lawan.



Nampaknya pasukan kami sangat gembira. Rupa-rupanya pasukan MBS telah menjulang piala.




Wah! Piala tu serupa dengan Piala dunia. Di bawah merupakan "MBS SOCCER FAN CLUB" sedang riang merayakan kejayaan.






"CAMPING" KEPIMPINAN



















HARI UCAPAN DAN PENYAMPAIKAN HADIAH SERTA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIBG YANG KE-17 PADA 13 OGOS 1994




Ketibaan tetamu khas Yang Berbahagia Tuan Yap Ah Kau Ketua Polis Daerah Sentul disambut oleh Pengetua dan Penolong Kanan HEM.




Para tetamu khas yang hadir pada hari tersebut.



Apa terjadi sehingga guru terpaksa duduk dengan pelajar-pelajar yang disenaraikan sebagai penerima hadiah?
Oh... sebenarnya pada hari tersebut ramai ibu bapa yang datang menyebabkan guru-guru ini merebut tempat duduk dengan pelajar-pelajar.



Tuan Pengetua sedang melaporkan segala kejayaan yang dicapai oleh sekolah kita kepada para hadirin sekalian.



Ketua Polis Daerah Sentul sedang memberi ucapan di hadapan para hadirin. Di samping itu beliau juga menyeru para pelajar agar meningkatkan lagi pencapaian akademik dan disiplin.






Setelah segala ucapan tamat, penyampaian hadiah kepada bintang-bintang MBS turut dilangsungkan.



Jangan silap sangka ya, ini cuma hadiah yang diberikan kepada beliau kerana sudi hadir pada hari tersebut.

Inilah guru-guru yang ditugaskan untuk memastikan segala berjalan dengan lancar. Walaupun mereka sangat sibuk pada hari ucapan tetapi mereka masih ada masa untuk mengambil gambar.



Persembahan yang menarik ini telah menyebabkan para hadirin enggan pulang ke rumah.



CHEERIO!

1. Pn. Mariatum Kabtiyah bt Ghazali
2. Pn. Wan Bahiah bt. Wan Nik
3. Pn. Mahnita bt. Mamat
4. Pn. Nor Yasmin bt Jamaluddin
5. Pn. Hj. Siti Aishah bt Abdul Kadir
6. En. M. Kumeresen
7. Pn. Sasikala K.M. Nair
8. Pn. Maziah bt. Ali
9. En. Rahmat b. Md. Khatib
10. Pn. Jamariah bt. Othman
11. Pn. Melor bt. Othman
12. Pn. Raudzah bt. Abd. Halim
13. Pn. Zakiah bt. Daud



WELCOME!

1. Pn. Yen Kim Yew
2. Pn. Rohana bt. Md. Said
3. Pn. Serina bt. Jaafar
4. Pn. Khalidah Adibah bt. Badrun
5. Cik Nurhaida bt. Md. Yusuf
6. En. Muzami bin Kamil
7. Pn. Noor Aniza bt Md. Noor



TEMURAMAH DENGAN PUAN HAJAH SITI AISHAH

S: *Selamat sejahtera, cikgu.Terlebih dahulu, kami bagi pihak sidang redaksi mengucapkan terima kasih kepada cikgu kerana sudi meluangkan masa untuk menerima temuramah ini. Baiklah cikgu, sejak bilakah cikgu mula mengajar?*

C: Kalau tidak silap saya, tarikh itu ialah 3 Januari 1967.

S: *Bagaimanakah perasaan cikgu apabila kali pertama mengajar?*

C: Semasa mula mengajar, memang seronoklah, pendek kata sampai hari ini saya tidak pernah jemu mengajar. Tetapi keadaan telah menjangkau usia 49 tahun, telah lama bekerja, hendak cuba berehat.

S: *Adakah cita-cita cikgu untuk menjadi guru dan sekiranya tidak ada pula cita-cita cikgu?*

C: Sejak kecil lagi, saya memang suka mengajar dan pada masa itu saya sentiasa menjadi cikgu dan kawan-kawan saya pula menjadi murid-murid; main-main, soal-soal. Apa yang dimimpikan menjadi kenyataan.

S: *Sebelum cikgu bertugas di sini, di manakah cikgu bertugas?*

C: Hmm.... Sebelum sini, Sek. Men. Tinggi Kluang. Tapi sebenarnya sekolah ini ialah sekolah yang ke-13 disebabkan suami saya seorang askar bertukar-tukar ke sini sana.

S: *Sudah berapa lama cikgu berkhidmat di sini?*

C: Hampir 5 tahun.

S: *Apa yang menarik perhatian cikgu di sekolah ini?*

C: Yang menariknya a.....guru, saya rasa. Sebab suasana sesetengah sekolah saya pergi ada kalanya guru-guru macam hmm.. ada memilih-milih kawan dan sebagainya tetapi di sini tak adalah pergaulan kami begitu mesra termasuk dengan pelajar. Walaupun ada kalanya saya marah betul tapi apabila di luar, mereka masih pekik panggil cikgu, melambai dan sebagainya. Jadi tiadalah pendendaman di dalam hati. Ini menjadi satu perkara yang amat baik.

S: *Sejak cikgu bertugas di sekolah ini, apakah pengalaman yang paling sukar cikgu lupakan?*

C: Saya rasa majlis pada hari ini, kerana kesal hendak tinggalkan pelajar-pelajar sekolah dan 23 tahun mengajar.

S: *Setelah bersara, apakah rancangan cikgu?*

C: Saya akan berehat terlebih dahulu. Tengok macam mana kalau agak dah jemu berehat nanti, mungkin saya berniaga secara berkecil-kecilan atau bagi tuisyen kerana kini terdapat permintaan yang banyak.





S: *Sebelum mengakhiri temuramah ini, apakah pesanan cikgu terhadap guru dan pelajar sekolah ini?*

C: Untuk pelajar-pelajar, saya ingin berpesan agar kurangkan sikap bermain, sebab saya lihat hampir semua pelajar di sekolah ini tak serius belajar; suka bermain. Saya rasa tak menjadi masalah nak belajar. Bukan semua tak boleh belajar, saya selalu beritahu pelajar kelas saya kalau kamu boleh baca, menulis kamu boleh belajar. Jadi tiada sebab gagal tetapi cuma sebab malas. Guru pula, saya rasa tiada apa yang nak pesankan kerana semua guru-guru sekolah ini berpengalaman. Cuma satu sahaja, kalau jumpa saya di luar nanti tegurlah saya dan jemputlah saya ke rumah semasa hari raya.

S: *Sekali lagi kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada cikgu. Semoga cikgu selalu mengingati nama M.B.S. Sentul.*

C: Sama-sama.

S – *Sidang Redaksi*

C – Cikgu Hajah Siti Aisyah



SEPATAH DUA KATA
DARIPADA BEKAS GURU DISIPLIN

Mr. M. Kumeresen
"Discipline Master 1989 – 1994"

Mr. M. Kumeresen, our discipline master is leaving M.B.S. Sentul to complete his degree in chemistry in U.S.M. after five years of off-campus studies. Mr. Kumeresen joined the staff of M.B.S. Sentul in 1986 as a teacher in the afternoon session. He was only 21 years old then, fresh from the teachers' training college.

He became the sports secretary in 1989. When Mr. Thevarajah, the former discipline master retired, Mr. Kumeresen became the next discipline master. Mr.Kumeresen admitted it was tough being the discipline master for the first few years. In the following years he encountered many challenges.


Mr. Kumeresen said that he had matured in his outlooks as he had learned a lot through his interaction with the students. He tries his best to understand the students' problems and believes that with the proper guidance, all his students can grow up to become somebody respectable in the community. Under several circusmtances he had to be strict. He also apologizes if he had hurt any students' feelings in carrying out his duties as the discipline master.

Mr. Kumeresen is pleased with the present level of discipline among students as it has improved compared to the past years. There are not many major disciplinary problems such as gang fights, although "class cutting" is still increasing. He also praised the Prefectorial Board for its good discipline and its ability to carry out its conscientiously duties well. He also believes that teachers will know the students better through games and co-curricular activities.

He also said he had fond memories of the naughtiest boys under his guidance for he had the satisfaction of knowing that the boys really appreciated what he had done for them.

Finally, he advises the students to respect teachers, especially the next discipline master. He also advises students not to cover up their mistakes but to confide in a teacher to sort out their problems.

Before leaving, he expressed his gratitude to Mr. A. Atputharajah, Pn. Raj and Pn. Norsiah for their support throughout the years.



94'


LAPORAN

Persatuan dan Kelab-

LIM CHEE HONG
4 LIBRA

KO-KURIKULUM

LEMBAGA PENGAWAS



Penaung:
En. A. Atputharaja
(Tuan Pengetua)

Guru Penasihat:
En. M. Kumeresen
En. Mohd. Fadzil

Ketua Pengawas:
Lim Kein Seng

Pen. Ketua Pengawas:
Lim Tji Seng

Setiausaha:
Wan Ahmad Nasroun

Bendahari:
Kwan Pek Soon

Ketua Disiplin:
Tan Choon Keat

Quarter Master:
Lim Keong Yew

A.J.K:
Ong Chen Guan
Lakhvinder Singh
Mohd. Nizal
Lim Kai Wah

MATLAMAT

Lembaga Pengawas ditubuhkan dengan tujuan membantu dan meringankan tanggungjawab dan tugas para guru dalam mengekalkan tahap disiplin yang memuaskan. Pengawas memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan suasana yang harmoni dalam melicinkan proses pembelajaran dengan menunjukkan teladan yang baik kepada pelajar-pelajar sekolah ini. Di samping itu, pengawas diharapkan dapat menunjukkan daya kepimpinan, inisiatif, motivasi dan semangat yang tinggi dalam pelaksanaan tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka.

Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga Pengawas bagi sesi 1993/1994 telah diadakan pada 20 Disember 1993. Segala aktiviti yang telah dilancarkan adalah seperti berikut:–

1. Lembaga Pengawas telah menolong pihak sekolah dalam kerja pengelolaan Hari Merentas Desa sekolah pada bulan Januari.

2. Lembaga Pengawas telah membantu pihak sekolah menjayakan Hari Sukan Tahunan Sekolah tahun ini.

3. 'Jumble Sales 94' telah dianjurkan oleh lembaga dengan berganding bahu dengan Lembaga Pusat Sumber, Persatuan Bahasa Cina dan Kumpulan Pengakap Batu 12. Jualan lambak ini telah diadakan selama tiga hari berturut-turut. Segala keuntungan telah didermakan kepada Tabung Kebajikan Sekolah.

4. Pada 30 April 1994, sekali lagi Lembaga Pengawas telah mengadakan Hari Pengawas dengan cemerlang. Kehadiran pengawas-pengawas sekolah lain dan pertubuhan penting sekolah telah berjaya memenuhi matlamat asal iaitu menggalakkan interaksi di kalangan



di kalangan pengawas-pengawas Wilayah Persekutuan.

5. Selain itu, lembaga pengawas dengan beberapa lembaga dan persatuan lain telah menyumbangkan tenaga dalam membantu pihak sekolah menjayakan Hari Guru sekolah.

6. Lembaga telah menyertai Sukan Pengawas Wilayah Persekutuan ke-2 dari 28 Mei hingga 31 Mei yang dianjurkan oleh S.M. Cochrane dan S.M.P. Bandaraya. Lembaga kami telah berpasangan dengan Lembaga Pengawas S.M.P. Jalan Ipoh. Paduan tenaga ini telah berjaya menduduki tempat pertama dalam acara karom, catur, badminton dan 'Toll Game'. Kecemerlangan ini sekaligus telah membolehkan kami menjadi Johan Keseluruhan dalam temasya sukan ini.

7. Satu kursus kepimpinan telah diadakan bagi pengawas tingkatan empat. Kursus ini bertujuan menerapkan sifat-sifat kepimpinan di kalangan pengawas. Perkhemahan kursus ini diadakan oleh pihak sekolah di Hutan Rimba Templer pada 15–17 Julai.

8. Antara aktiviti yang lain yang melibatkan lembaga ialah bertugas dalam Pertandingan Bola Tampar Peringkat MSSWP, Zon Sentul yang diadakan di sekolah kami, hari penyampaian kad kemajuan dan Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah.

9. Perlantikan ahli jawatankuasa lembaga bagi sesi 1994/1995 telah dilaksanakan atas ihsan Tuan Pengetua dan guru-guru.


Akhir kata, saya mewakili pihak lembaga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak sekolah, terutamanya guru penasihat En.M. Kumeresen atas sokongan dan tunjuk ajar beliau kepada kami, dan juga ahli jawatankuasa sesi 1993/1994 di bawah pucuk pimpinan saudara Lim Kein Seng.



Sekian, terima kasih.

Chin Yoon Wei
Setiausaha
Lembaga Pengawas 1994/1995

LEMBAGA PUSAT SUMBER



Guru Penasihat:
Cik Goh Kai Lian
Pn. Norkhidah bt Abdullah
En. Rama Rao
En. Mohd. Shahriel b. Abd. Samat
Pn. Nurbaini bt. Zainal Abidin
Pn. Nooraini bt. Abd. Hamid

Ketua Pengawas Pusat Sumber:
Leo Chien Chiang

Pen. Ketua Pengawas Pusat Sumber:
Tan Teck Siong
Andrew Tan Tze Yuen

Setiausaha:
Murthy Arajian

Bendahari:
Chan Chien Meng

Ketua Disiplin:
Low Teck Keong

Pegawai Sosial:
Teng Chik Keong

Pegawai Publisiti:
Phang Sing Lum

AJK:
Peminjaman buku – Yap Boon Kean
Majalah – Ali Sadikin
A.P.D. – Chew Ooi Teck
Pemprosesan buku – Law Wai Yew

Lembaga Pusat Sumber sesi 1993/94 ini dianggotai seramai 65 orang Pengawas Pusat Sumber dan 30 orang pelatih. Matlamat utama Lembaga Pusat Sumber ialah untuk memupuk semangat suka membaca di kalangan pelajar, melatih pelajar membuat rujukan secara individu dan menyediakan tempat yang selesa untuk pelajar mengulangkaji.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang sesi ini adalah seperti berikut:–

1) Sistem Merit, iaitu sistem pemotongan markah pengawas pusat sumber diperkenalkan untuk meningkatkan lagi disiplin pengawas pusat sumber.
2) Sesi kenal-mengenal di kalangan Pengawas Pusat Sumber diadakan untuk mengeratkan lagi perhubungan pengawas Pusat Sumber pagi dan petang.
3) Satu Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Sumber S.M. Tinggi Katolik, Petaling Jaya, telah diadakan untuk meluaskan pengetahuan para AJK Lembaga ini tentang pentadbiran pusat sumber sekolah.
4) Gotong-royong telah diadakan selepas tahun persekolahan baru untuk membersihkan pusat sumber telah diadakan.
5) Kemeja-T Lembaga Pusat Sumber telah dicetak untuk menguatkan identiti pengawas pusat sumber.
6) Pameran 'mini' bulanan dimulakan untuk mempamerkan buku-buku baru kepada pengguna pusat sumber.
7) Beberapa orang wakil pengawas pusat sumber telah menghadiri Persidangan Pengawas Pusat sumber Sekolah Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Lembaga Pusat Sumber Institut Victoria pada bulan Mac.
8) Lembaga kami telah menyertai Pertandingan Persahabatan Pengawas Pusat Sumber anjuran Lembaga Pusat Sumber S.M. Maxwell, kami berjaya menjuarai acara badminton, bola-tampar, catur dan karom. Ini telah membolehkan kami menjadi johan keseluruhan.
9) Lembaga kami juga telah menyertai Pertandingan Persahabatan Pengawas Pusat Sumber anjuran Lembaga Pusat Sumber S.M. Cochrane dan berpakat dengan Lembaga Pusat Sumber S.M. Convent, Bukit Nanas. Kami berjaya menjuarai acara ping pong dan bola tampar serta naib johan keseluruhan.
10) Majlis Perlantikan dan Perpisahan Lembaga kami yang ke-54 telah diadakan pada 25 Jun 1994. Kami telah mendapat sambutan yang hebat daripada lembaga-lembaga pusat sumber sekolah yang lain.

Akhir kata, saya, bagi pihak Lembaga Pusat Sumber ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat terhadap segala tunjuk ajar yang telah diberikan. Sekian sahaja, terima kasih.

Murthy Arajian
Setiausaha

LEMBAGA KUARTER MASTER



Guru Penasihat:
En. Kumeresen
En. Ramarao
En. Zainuddin

Ahli-ahli Jawatankuasa:
1993/94

Pengerusi:
Stevan Bala

Naib Pengerusi:
Shaharudin Jaafar

Setiausaha:
U. Suresh

Bendahari:
Prem Kumar

Disiplin:
Thirtha
Ramahnujam

AJK:
Zolhisham
Shashi Kumar
Balu
S. Suresh
Vickneswaran

Salam sejahtera dari Lembaga Kuarter Master. Terlebih dahulu saya bagi pihak lembaga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pihak Penerbit Sentinel, tahun 93/94 kerana memberi peluang untuk melaporkan aktiviti tahunan Lembaga Kuarter Master 93/94.

Pada bulan Mei 1993, AJK baru telah dilantik dan kami telah mengambil alih tanggungjawab menguruskan harta benda sekolah setelah AJK lama meletak jawatan.

Selepas perlantikan tersebut, kami telah banyak mengadakan aktiviti. Di antaranya ialah:

i) Melabelkan dan membaiki kerusi meja yang pecah.
ii) Membantu guru-guru menjayakan sukan tahunan sekolah di Stadium Merdeka dan merentas desa di sekolah.
iii) Bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah.
iv) Perjumpaan biasa diadakan setiap hari Rabu dan Jumaat. Pada hari-hari tersebut juga, kami biasa mengadakan mesyuarat walaupun tiada masalah yang timbul. Kami berbuat demikian agar pergaulan dan persahabatan di antara ahli-ahli kami akan menjadi lebih erat.

Tujuan penubuhan Lembaga ini adalah untuk melahirkan sikap bekerjasama antara pelajar-pelajar dan sikap bertanggungjawab terhadap harta benda sekolah. Pada mulanya, kami adalah sebuah kelab biasa tetapi sekarang ialah sebuah lembaga yang mempunyai uniform sendiri dan kami adalah sebuah lembaga yang berdisiplin.

Akhir kata, saya bagi pihak Lembaga Kuarter Master ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat kami iaitu En. Kumeresan, En. Ramarao dan En. Zainuddin serta AJK yang bertungkus-lumus menjayakan tugasan mereka masing-masing. Saya berharap lebih ramai pelajar akan menyertai lembaga ini dan meningkatkan mutu dan prestasi pada tahun-tahun akan datang.

Sekian. Terima kasih.
Yang menjalankan tugas.
Stevan Bala
Pengerusi 93/94

UNIT BIMBINGAN SEKOLAH



Ahli-ahli Jawatankuasa Sesi 1993/1994

Pengerusi:
S. Paramanathan (5 Aquarius)

Naib Pengerusi:
Andrew Tan (5 Aquarius)

Setiausaha:
Ali Sadikin (5 Leo)

Naib Setiausaha:
Harikrishnan (5 Aquarius)

Bendahari:
Ahmad Yusriza (5 Leo)

Ketua Biro:
Penyelarasan Resos:
Mohd. Farop (5 Leo)

Poster/Buku Skrap:
Pua Ewe Leong (5 Aquarius)

Maklumat Bimbingan Kerjaya:
Lakhvinder Singh (5 Aquarius)

Kempen-kempen Khas:
Tan Choon Keat (5 Aquarius)

Hal Ehwal PRS:
Teng Chik Keong (5 Leo)

Lawatan dan Ceramah:
Suriamurthy (5 Aries)

Anti Dadah:
S. Paramanathan (5 Aquarius)

Unit Bimbingan Sekolah Menengah (L) Methodist Sentul (U.B.S. – M.B.S.) adalah satu unit yang aktif dan di bawah bimbingan:–

1. Pn. Helena Tong – Kaunselor/PRS
2. Pn. Rohani Ibrahim – Poster/Buku Skrap
3. Pn. Low Yew Lim – Lawatan/Ceramah
4. Pn. Wong Siew Hium – Maklumat Bimbingan Kerjaya
5. Pn. Kamatchi – Penyelarasan Resos
6. Ustazah Hasnah – Anti Dadah

Tujuan penubuhan:

1. Menggalakkan perkembangan kemahiran dan ketrampilan serta memelihara kebajikan ahli-ahlinya.
2. Memuaskan program pendedahan dari segi pendidikan dan kepimpinan.
3. Memberi bimbingan dan motivasi kepada pelajar dalam pemilihan kerjaya.

Senarai aktiviti bagi 1993/94:

Disember 93	0.1	Ceramah Hari AIDS Sedunia di HBKL (2 orang pelajar dihantar).
	0.2	Program Orientasi (Peralihan dan Ting. 1)
	0.3	Perasmian Perlantikan PRS Ting. 5
Januari 94	0.4	Pelancaran Program Masyarakat Penyayang.
	0.5	Bengkel Kemahiran Belajar Ting. 5
	0.6	Lawatan Sambil Belajar ke Institut CYMA.
Februari 94	0.7	Ceramah Motivasi Pembelajaran (Ting. 1 dan 2) oleh CYMA.
Mac 94	0.8	Bengkel Kemahiran Belajar Peringkat II Ting. 5
	0.9	Operasi Mencantikkan Bilik UBS
	1.0	Lawatan ke Education Fair anjuran The Star.

April 94	1.1	Kursus Asas PRS di Sek. Men. Puteri Titiwangsa (Ting. 2 dan 4)
Mei 94	1.2	Request Session pada Perayaan Hari Guru
	1.3.	Sukan Telematch untuk PRS di Sek. Men. La Salle.
Jun 94	1.4	Seminar 'Peer Pressure Reversal' di LPPKN (10 orang pelajar dihantar)
	1.5	Ceramah Teknik Pemasaran dan Peluang-peluang kerjaya oleh Cik Thiru (SRM) untuk Ting. 4 dan 5.
	1.6	Mini Karnival Zon Sentul
Julai 94	1.7	Kursus Kem Kepimpinan untuk ahli-ahli kelab, persatuan dan UBS di Kem Temasya Rimba Templer.
	1.8	Karnival UBS Wilayah Persekutuan di JPWP Jalan Salahuddin.
Ogos 94	1.9	Kursus Peningkatan PRS di Rimba Templer.

Bagi pihak AJK, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan pengetua, penolong kanan dan guru-guru penasihat terutamanya kepada Pn. Helena Tong atas dorongan dan tunjuk ajar beliau serta kepada ahli-ahli yang sangat gigih menjalankan aktiviti. Harapan saya, semoga unit ini akan terus maju selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara dan sejajar dengan matlamat Wawasan 2020.

Sekian, terima kasih. Saya sudahi dengan dua rangkap pantun.

Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan,
Intai kami antara nampak,
Esok jangan rindu-rinduan.

Berburu ke padang datar,
Dapat rusa berbelang kaki,
Berguru kepalang ajar,
Bagaikan bunga kembang tak jadi.

Setiausaha
Ali Sadikin bin Sadin (5 Leo)

KUMPULAN PENGAKAP BATU 12



Guru Penasihat:
En. Mohd Nor Shafie

Ketua Kumpulan:
Sdr. Yap Siong Hing

Setiausaha Kumpulan:
Sdr. Thaufek Razali

Bendahari Kumpulan:
Sdr. Mohd Fazle

Quatermaster 1:
Sdr. Arfizzi

Quatermaster 2:
Sdr. Arman Hilmee

Penghubung Kumpulan:
Sdr. Ram Prem Kamal

AJK:
Sdr. Norafizan

Laporan:

Tujuan utama penubuhan persatuan ini adalah untuk mewujudkan satu masyarakat yang berdisiplin dan berdikari dalam kehidupan mereka. Kumpulan ini mengadakan mesyuaratnya pada setiap hari Sabtu jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari. Di bawah ini adalah senarai aktiviti-aktiviti bagi tahun ini.

1) Pengambilan Ahli Baru
2) Mengadakan jualan lambak gabungan 4 persatuan
3) Bertugas semasa sukan tahunan di Stadium Merdeka
4) Mengadakan satu perkhemahan di Sungai Gabai untuk melatih ahli-ahli baru.
5) Hiking ke Klang Gate.
6) Mengadakan Malam Kebudayaan yang ke-57 di sekolah.
7) Kursus Pertolongan Cemas
8) Perkhemahan akhir tahun ke Pulau Pangkor.

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami En. Mohd Nor di atas tunjuk ajar yang diberikan bagi memajukan kumpulan ini.

"BERSIAP SEDIA & BERPANDANGAN LUAS"

Sdr. Thaufek Razali
Setiausaha Kumpulan

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH (PBSM)



Guru Penasihat:
En. Fadzil
En. Selvaraj
En. Mustafa
Pn. Rohani

Pengerusi:
Muhamad Lotpie bin Ahmad Repaad

Naib Pengerusi:
Adnan bin Zon

Setiausaha:
Affandy bin Isa

Pen. Setiausaha:
Zulkifli bin Moktar

Bendahari:
Shaigul bin Abu Bakar

Pegawai Disiplin:
Zolhisham

Pen. Pegawai Disiplin:
Aziz

Ketua AJK:
Sashi Kumar

Pen. Ketua AJK:
Suresh

AJK:
Ahmadi, Paramasium
Rajavikram, Fauzi

Aktiviti-aktiviti sepanjang tahun:–

1) Pendaftaran ahli baru
2) Menyertai Majlis Jalinan Mesra
3) Bertugas di Hari Merentas Desa
4) Bertugas di Kejohanan Bola Tampar Zon Sentul
5) Bertugas di Kejohanan Olahraga MSSWP (R) Zon Sentul.
6) Bertugas di Hari Sukan Sekolah Stadium Merdeka
7) Mengadakan Majlis Perletakan Jawatan
8) Perlantikkan ahli jawatankuasa baru

Saya sebagai Setiausaha Persatuan Bulan Sabit Merah W.P (21) ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada En. Fadzil, En. Selvaraj, En. Mustafa dan Pn. Rohani yang telah mengorbankan masa dan tenaga dalam memberi sumbangan, bimbingan serta tunjuk ajar kepada kami. Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada ahli jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan yang telah bekerjasama bagi menjayakan kegiatan persatuan.

Akhir kata, semoga persatuan ini akan terus bergiat dengan lebih aktif lagi. Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA, SEKOLAH DAN PERSATUAN".

Affandy Isa
Setiausaha

KOPERASI SEKOLAH



Pengerusi:
En. A. Atputharaja

Naib Pengerusi:
Pn. Norsiah

Setiausaha:
Pn. Nur Azlina Abd. Aziz

Naib Setiausaha:
Pn. Jamaliah Yahya Zikri

Bendahari:
Pn. Ong Tarn Choon

Naib Bendahari:
Pn. Yee Kok Seong

Pengurus:
Pn. Maziah Yasok

Naib Pengurus:
En. Choo Chee Seng
En. Su Too Fong

AJK Tingkatan 5:
Leo Chien Chiang. Low Teck Keong
Yap Mun Soon

AJK Tingkatan 4:
Goo Chee Heng, Eng Seng Chong
Chan Keng Thoe, Ng Say Long
Soo Chee Keong, Chong Yeow Leong
Mohd Fairuz Shahidan

AJK Tingkatan 3:
Leong Way Sin, Tan Yong Tiong
Jaya Prakash, Kwan Pek Loy
Tan Yen Ee

Aktiviti:


1) Wakil penjual insuran AIA
2) Menjual kad ucapan, poskad dan 'Book Mark'.
3) Menjual samping sekolah
4) Menjual alat tulis
5) Menguruskan penjualan gambar tingkatan dan persatuan untuk sekolah.
6) Menjual beraneka jenis benda seperti tali pinggang, dompet dan sebagainya.

Saya sebagai Setiausaha Koperasi sekolah ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua ahli koperasi yang telah bekerjasama dan memberi sokongan dalam memajukan koperasi kita. Harapan semoga koperasi kita akan terus maju dan berkembang dengan sokongan dari ahli-ahli.

Sekian terima kasih.

Pn. Nur Azlina

PERSATUAN BAHASA MELAYU



Guru Penasihat:
Pn. Eshah Othman
Pn. Zakiah Daud

Pengerusi:
Wan Ahmad Nasroun bin Wan Salman (5 Aries)

Naib Pengerusi:
Mohd Asfazli bin Mustapa (5 Gemini)

Setiausaha:
Mohd Nizal bin Mohd Daud (5 Aquarius)

Pen. Setiausaha:
Mulyadi bin Nazaruddin (5 Leo)

Bendahari:
Suhaimi bin Alias (5 Aries)

Pen. Bendahari:
Taufek Razali bin Kamal Batcha (4 Aries)

AJK:
Kharuddin bin Lamit (5 Aries)
Meor Mohd Shaidi bin Ismail (5 Leo)
Ahmad Fauzi bin Jamudin (4 Leo)
Arman Hilmee bin Othman (4 Aries)
Mohd Hafiz bin Kamaruzaman (4 Libra)

Objektif utama Persatuan Bahasa Melayu ini ialah untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam mempertingkatkan lagi mutu Bahasa Melayu yang sebenar-benarnya. Di samping itu juga persatuan ini bertujuan untuk meningkatkan taraf penguasaan serta penggunaan Bahasa Melayu di kalangan murid-murid sekolah.

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Bahasa Melayu telah diadakan pada 22hb Disember 1993 bertujuan melantik Ahli Jawatankuasa baru bagi sesi 1993/94.

Sambutan pelajar-pelajar terhadap persatuan ini amat menggalakkan. Aktiviti-aktiviti tahunan yang dijalankan:

1. Pertandingan membaca berita.
2. Pertandingan menulis pantun.
3. Pertunjukan Dikir Barat sempena Minggu Bahasa Melayu
4. Persembahan mendeklamasikan sajak.
5. Mengadakan kuiz bagi pelajar-pelajar tingkatan 3, 4 dan 5.

Akhir kata, saya bagi pihak Persatuan Bahasa Melayu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Guru Penasihat, Ahli-ahli Jawatankuasa dan semua ahli Persatuan Bahasa Melayu yang banyak membantu menjayakan persatuan ini.

Sekian, terima kasih.

"CINTAILAH BAHASA MELAYU"

Mohd Nizal bin Mohd Daud
Setiausaha

ENGLISH LANGUAGE SOCIETY



Teacher Advisors:
Puan Sasikala Nair
Miss Lourdu Mary Raj

President:
S. Paramanathan
(5 Aquarius)

Vice President:
Raymond Foo
(5 Aries)

Secretary:
Harikrishnan
(5 Aquarius)

Treasurer:
Kartigayan
(4 Aquarius)

Committee Members:
Murugu Subramaniam
Daljit Singh
Nicholas

The main aim of this Society is to create an interest in the usage of English Language among students in the school. To make the above statement a reality, we made it compulsory for all students to converse only in English during our activities.

Our Society consists of about 20 members. We have already carried out a few activities and we will be carrying out more activities in the future.

Activities carried out during the English Week are:–

i) Spelling Competition
ii) Tongue Twisting Competition
iii) Story Telling Competition
iv) Crossword Puzzle Competition

We also had a visit to the British Council to gain more information on overseas education.

The Society had also participated in the Inter-School-Charade Competition at S.M. Convent Sentul.

The objectives of these activities are:

1) To stimulate the students imagination through activities conducted and to communicate the ideas verbally.
2) To encourage every student to participate in the activities.

Lastly we would like to thank all the members of the English Society of MBS Sentul for their co-operation and also our teacher advisors Puan Sasikala and Miss Mary Raj.

Secretary
R. Harikrishnan

PERSATUAN BAHASA CINA



Guru Penasihat:
Pn. Khoo Liang Pin
En. Chan Chee Mon

Pengerusi:
Cheah Kee Chung
Naib Pengerusi:
Ng Tiam Liang

Ketua Gerakerja:
Loo Kok Keong
Naib Ketua Gerakerja:
Tan Joon Ngee
Khow Siong Long

Setiausaha:
Chin Yoon Wei
Pen. Setiausaha:
Tham Weng Yew

Bendahari:
Lim Chee Hong
Pen. Bendahari:
Tang Dian Lai

Juruaudit:
Heng Zee Loong

Ketua Hartabenda:
Kwan Chee Ming

Ketua Bilik Baca:
Tan Teik Jun
Pen. Ketua Bilik Baca:
Yap Soon Tin

AJK:
Chai Ming Loon, Tan Kiang Ming
Chan Choong Keng,
Yong Chee Yin, Kho Lian Shan

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:

1) Menganjurkan pertandingan tulisan kaligrafi di antara sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan dan Selangor yang ke-7.
2) Menjual minuman pada Hari Merentas Desa.
3) Mengadakan "Jumble Sale" dengan gabungan 5 persatuan lain.
4) Menyertai kuiz kesusasteraan Tiong Hwa gabungan 4 sekolah Wilayah.
5) Menyertai pertandingan kebudayaan dan kesenian antara sekolah.
6) Menjual majalah "Pelajar" sebulan sekali.
7) Mengadakan kuiz pengetahuan am antara ahli-ahli persatuan.
8) Mengadakan sukan persatuan antara ahli-ahli.

Aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan:

1) Menerbitkan majalah persatuan "Heng Yuen" yang ke-7.
2) Merayakan majlis ulangtahun dan temu mesra persatuan yang ke-11.
3) Mengadakan rombongan pelancongan ke tempat peranginan sesama ahli-ahli.
4) Mengadakan lawatan ke rumah orang-orang tua dan pusat anak yatim.
5) Mengadakan pertandingan menulis karangan antara ahli-ahli.
6) Mengadakan program tayangan gambar ajaran kebudayaan.
7) Membuat T-shirt persatuan untuk dipakai semasa sesuatu aktiviti dijalankan.

Saya mewakili Persatuan Bahasa Cina, ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada guru penasihat, ahli-ahli jawatankuasa, ahli-ahli persatuan dan pihak sekolah kerana telah menolong menjayakan aktiviti persatuan dengan segala bantuan yang diberikan sepanjang tahun ini. Semoga semangat kerjasama dan inisiatif dapat diamalkan selalu oleh semua ahli persatuan demi mengharumkan nama sekolah dan persatuan serta memajukan persatuan yang berterusan selama-lamanya.

Chin Yoon Wei
Setiausaha

PERSATUAN BAHASA TAMIL



Guru Penasihat:
En. Veelurajan
Pn. Kamatchi

Presiden:
Murthy Arajian

Naib Presiden:
Parthiban

Setiausaha:
N. Rahula

Pen. Setiausaha:
Murugu

Bendahari:
Manithevan

Pen. Bendahari:
Vinothan

AJK:
N. Vikneswaran, Guna Shashikumar, Leonard Renganathan, Rajan Karthigayan, Guna M. Suresh, Mahadevan Bala

"HARE KRISHNA, HARE KRISHNA"

Persatuan Bahasa Tamil mula diaktifkan pada 14 Januari 1994. Tujuan persatuan ini ditubuhkan adalah untuk meluaskan pemikiran serta menambahkan pengetahuan pelajar dari segi pembelajaran dan aktiviti sosial.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun ini adalah seperti berikut:–

1. Menjual air dan makanan sempena hari "Merentas Desa"
2. Mengadakan seminar berkaitan dengan motivasi dan meditasi tentang pelajaran.
3. Membuat lencana bagi anggota jawatankuasa dan ahli-ahli lain.
4. Menjalankan pertandingan menyanyi.
5. Majlis Temu Mesra Persatuan Bahasa Tamil telah dijalankan.
6. Pertandingan Bola Sepak akan diadakan sempena hari Deepavali (Deepavali Cup)
7. Suatu lawatan ke Bukit Cerakah akan diadakan. Lawatan sambil belajar ke tempat tersebut diketuai oleh Murugu dan Parthiban.

Saya selaku setiausaha Persatuan Bahasa Tamil dengan ikhlasnya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih terutamanya kepada pihak sekolah yang memberi banyak bantuan, sumbangan serta bimbingan kepada kami. Diharap persatuan ini akan terus bergiat dengan lebih aktif.

Sekian. Terima kasih.

Rahula a/l Nadarajan
Setiausaha

PERSATUAN SEJARAH



Guru Penasihat:
Pn. Pui Kim Lee
Pn. Zakiah Daud

Pengerusi:
Mohd Idham (5 Libra)

Naib Pengerusi:
Khairuddin (5 Aries)

Setiausaha:
Mohd Nizal (5 Aquarius)

Naib Setiausaha:
Zaki (4 Aquarius)

Bendahari:
Mohd Fairuz (4 Aquarius)

Naib Bendahari:
Murugu (4 Aquarius)

AJK:
Mohamad Musa (5 Libra)
Arman Hilmee (4 Aries)
Taufek Razali (4 Aries)
Azizi (5 Libra)

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Sejarah telah diadakan pada 3 Januari 1994 bertujuan melantik Ahli Jawatankuasa baru bagi sesi 1993/94.

Sambutan para pelajar terhadap persatuan ini amat menggalakkan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun.

1. Mesyuarat agung dan pelantikan AJK.
2. Mengadakan jualan makanan di hari Merentas Desa.
3. Perlantikan Setiausaha baru.
4. Pengambilan ahli baru.
5. Mengadakan kuiz sejarah.
6. Lawatan ke Muzium Arkeologi UKM.
7. Menyertai Peraduan Mencari Harta Karun – anjuran Persatuan Sejarah Malaysia
8. Membuat tayangan slot video.

Akhir kata, saya bagi pihak Persatuan Sejarah ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru penasihat persatuan ini yang banyak membantu kami dan tidak lupa juga kepada ahli-ahli jawatankuasa serta semua ahli persatuan ini yang telah menjayakan aktiviti-aktiviti Persatuan Sejarah.

Sekian, terima kasih.

"MAJULAH PERSATUAN SEJARAH"

Mohd Nizal bin Mohd Daud
Setiausaha

PERSATUAN SAINS DAN MATEMATIK



Guru Penasihat:
Pn. Lau Chong Kong
En. Lim Ther Ping

Pengerusi:
Pua Ewe Leong

Naib Pengerusi:
Vinothen

Setiausaha:
Kwan Pek Soon

Bendahari:
Raymond Foo

Naib Bendahari:
Ram Prem Kamal

AJK:
Wong Sim Ming
Wong Chee Chung
Phang Sing Lum
Mac Anthony
Mohd. Ghazali

Pada tahun ini, Persatuan Sains dan Matematik telah mengadakan mesyuarat agungnya pada 29 Disember 1993.

Cadangan dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan pada tahun ini adalah seperti berikut:–

1. Ceramah sempena Minggu Sains dan Matematik pada 28 Februari – 1 Mac 1994 yang bertajuk:–
   i. Sumber Air – Pn. Zahara Selamat dari Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
   ii. Kilat – Prof. Madya dari Universiti Teknologi Malaysia.
2. Lawatan sambil belajar ke Planetarium pada 25 Jun 1994.
3. Lawatan sambil belajar ke Unit Tenaga Nuklear (PUSPATI) pada 23 Julai 1994.
4. Pertandingan Matematik Piala Hwa Lo-Keng.
5. Permainan Mathable dijalankan setiap dua minggu sekali.

Di sini kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami atas sokongan dan tunjuk ajar yang telah dicurahkan kepada kami, dan akhir sekali kepada ahli-ahli persatuan atas kerjasama mereka bagi menjayakan persatuan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

Kwan Pek Soon
Setiausaha.

PERSATUAN GEOGRAFI



Guru Penasihat:
En. Lim Tong Eng
Pn. Amarjit Kaur

Pengerusi:
Jaafar Sidek (5 Gemini)

Naib Pengerusi:
Mohd Yusnor Hadi bin Subki
(5 Gemini)

Setiausaha:
Mohd Nazir (5 Gemini)

Bendahari:
Mazlan (5 Gemini)

AJK Tingkatan 5:
Lokman
Norhafidzi
Vijayakumar
Moktar
Azmadi Azizan

AJK Tingkatan 3:
Nicholas (3M3)
Tan Leong Woo (3M3)

Pada tahun ini Persatuan Geografi telah merancangkan beberapa aktiviti untuk dilaksanakan:

i) Mesyuarat agung untuk melantik ahli baru
ii) Lawatan sambil belajar ke Bukit Cahaya Sri Alam
iii) Peraduan reka cipta logo Persatuan Geografi.

Akhir kata saya mewakili ahli-ahli Persatuan Geografi merakamkan jutaan terima kasih kepada En. Lim Tong Eng dan Pn. Amarjit Kaur yang sering memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada kami. Semoga persatuan ini akan terus bergerak maju ke hadapan pada tahun-tahun akan yang datang.

Sekian. Terima kasih.

"PELIHARA ALAM SEKITAR KITA".

Mohd Nazir
Setiausaha

KELAB KEBUDAYAAN



Guru Penasihat:
Pn. Zarrin Abdullah

Pengerusi:
Mohd Farop (5 Leo)

Naib Pengerusi:
Asminuddin

Setiausaha:
Mazlan (5 Gemini)

Naib Setiausaha:
Badar Hisham
(5 Taurus)

Bendahari:
Mohd Faizul Izwan
(5 Taurus)

AJK
Mohd Yusnor Hadi
(5 Gemini)

Salam hormat daripada Kelab Kebudayaan. Tahun ini merupakan tahun yang amat bertuah bagi Kelab Kebudayaan kerana telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti.


Antara aktiviti yang dijalankan seperti mengadakan mesyuarat pada setiap minggu, mengadakan persembahan semasa hari perpisahan Puan Hajah Siti Aishah dan pada Hari Guru.

Akhir kata kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Kelab Kebudayaan. Kami juga berharap agar Kelab Kebudayaan ini dapat dimajukan setanding dengan persatuan-persatuan yang lain.

"BUDAYA MELAMBANGKAN BANGSA".

Mazlan
Setiausaha

PERSATUAN BADAN ISLAM (PERBADIS)



Guru Penasihat:
En. Mohd Arif Mohd Ali
Pn. Salwani Jusoh
Pn. Marziah Yasoh
Pn. Kalsom Abdullah
Pn. Hasnah Musa

Pengerusi:
Wan Ahmad Nasroun
Wan Salman

Naib Pengerusi:
Ahmad Yusriza Ahmad Riduan

Setiausaha:
Mohd Rizal Arsalan

Bendahari:
Mohd Idham Muhammad Yunus

AJK:
Sofian Mohamad
Romy Iskandar Amri
Muhammad Musa
Mohd Amin Rashid
Abd Kadir Mustafa
Khairuddin Lamit
Zaki Shahuddin
Arfizi Ariffin
Taufek Razali
Arman Helmi
Hasrul Nizam Kamaruddin

Assalamualaikum Wbr.
Alhamdullillah pada tahun ini PERBADIS sekolah telah berjaya menjalankan beberapa aktiviti untuk pelajar-pelajar Islam.

Di antranya:–

1) Majlis Penghayatan Ramadhan
2) Majlis berbuka puasa peringkat Sekolah, 26 Februari 1994
3) Pertandingan Azan dan Tilawah Al-Quran
4) Membantu menjayakan "Majlis Tadarus Al-Quran dan Sambutan Maal-Hijrah Zon Sentul"
5) Menghantar wakil ke kursus kepimpinan peringkat sekolah di Kem Temasya Rimba Templer Park, 15–17 Julai 1994.
6) Menyertai Pameran Ekspo Tamadun Islam peringkat sekolah.
7) Menghias Surau
8) Menghantar wakil ke Pertandingan Tadarus Al-Quran Zon Sentul.

Akhir kata, AJK PERBADIS mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pn. Norsiah Mohd Yusuf (PK Hem) dan guru-guru sekalian kerana kerjasama menjayakan aktiviti-aktiviti PERBADIS.

Sekian. Wassallam.

"MAJULAH UMMAH KE ARAH KECEMERLANGAN WAWASAN"

Mohd Rizal Arsalan
Setiausaha

CHRISTIAN FELLOWSHIP



Teacher Advisors:
Miss Goh Kai Lian
Mrs. Lau Wey Chien

President:
Andrew Tan Tze Yuen
(5 Aquarius)

Secretary:
Raja Reubendran
(5 Leo)

Treasurer:
Ong Chen Guan
(5 Aquarius)

Committee Members:
Matthew Matthan
(2 Murni 3)

Samuel Verghese
(2 Setia 2)

Ever since the Christian Fellowship was established, the main aim of this fellowship has been getting to know Christ and to make Him known.

Activities that have been planned and carried out from December 1993 to July 1994 are as follows:–

Dec '93	Christmas celebration		
	Theme	:	Christmas – God With Us
	Speaker	:	Mr. Koh Earn Soo
Feb '94	Topic	:	Can the Bible be trusted?
	Speaker	:	Mr. Jason Fong
Mar '94	Topic	:	What makes a Christian different?
	Speaker	:	Mr. Micheal Stalin
Apr '94	Topic	:	Assurance of salvation
	Speaker	:	Mr. Jason Fong
July '94	Topic	:	Personal witnessing
	Speaker	:	Mr. Lee Chee Kong

The Christian Fellowship would like to express our heartfelt thanks to Pastor Lawrence Francis for allowing us to use the Peach Cottage for our weekly meetings on every Friday. We would like to thank our teacher advisors for their guidance towards the fellowship. Also, our gratitude goes to Miss Khoo Kim Suan and Mr. Nelson for their moral support. Last, but not least out sincere appreciation to the Every Home For Christ (EHC), the Scripture Union, the Bible Society of Malaysia and the El-Shaddai Sanctuary as well as all the speakers for their support and contributions.

"For God loved the world so much that He gave His only Son, so that everyone who believes in Him may not die but have eternal life." John 3:16.

"I am the way, the truth and the life; no one comes to the Father except through me." John 14:6.

Raja Reubendran
Secretary

PERSATUAN AGAMA BUDDHA



Guru Penasihat:
Puan Lai Seow Lin
Puan Yee Kok Siong
Encik Choo Chee Seng

Pengerusi:
Tham Weng Yew

Naib Pengerusi:
Ng Tiam Liang
Tang Dian Lai

Ketua Gerakerja:
Chan Choong Keng

Naib Ketua Gerakerja:
Ng Chee Keong

Setiausaha:
Yap Soon Tin

Naib Setiausaha:
Ng Chee Keong

Bendahari:
Tan Joon Ngee

Naib Bendahari:
Khow Siong Long

AJK:
Kat How Ee
Wong Chee Chung
Tan Poo Huat

Mesyuarat agung persatuan ini telah diadakan pada 14 Januari 1994. Dalam mesyuarat itu, ahli-ahli jawatankuasa baru telah dilantik dan mereka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 3, 4 dan 5. Perjumpaan persatuan telah dijalankan dua minggu sekali pada hari Jumaat yang bermula dari jam 1.00 petang hingga 2.15 petang.

Sepanjang tahun 1993/1994, antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ialah:–

1) Nyanyian lagu ajaran Buddha
2) Ceramah Dhammar
3) Lawatan ke rumah Kebajikan
4) Tayangan gambar (cerita Buddha)
5) Mendermakan wang kutipan kepada orang yang tidak bernasib baik
6) Pertandingan kuiz

Saya selaku setiausaha Persatuan Agama Buddha mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat, Puan Lai, Puan Yee dan Encik Choo atas segala tunjuk ajar serta bimbingan kepada kami. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada ahli jawatankuasa serta ahli-ahli persatuan yang telah bekerjasama bagi menjayakan kegiatan persatuan. Diharap, Persatuan Agama Buddha akan terus aktif dan lebih maju.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha
Yap Soon Tin

PERSATUAN AGAMA HINDU



Guru Penasihat:
En. Veelurajan
Pn. Kamatchi

Presiden:
K. Ranjit Kumar

Naib Presiden:
Sashi Kumar

Setiausaha:
Renganathan

Naib Setiausaha:
Kantha Priyen

Bendahari:
Sakhtyanathan

Naib Bendahari:
G. Karthigeyen

AJK:
Shashi, Suresh Kumar
Guna Selvam

Ketua-ketua Bahagian:
Aktiviti Keagamaan:
Thiagarajan, Thevaraj

Publisiti:
Kandasamy, Naresan

Papan Kenyaan:
Suresh Kumar

OM NAMASHIVAYA

Persatuan Agama Hindu pada tahun ini telah dapat meningkatkan mutu pengetahuan murid-murid dan memberikan keyakinan serta motivasi baru supaya mereka dapat menghadapi cabaran hidup.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:–


i) Sambutan perayaan Massi Maagam
ii) Menjual makanan dan minuman pada hari Merentas Desa.
iii) Menganjurkan kelas motivasi pada setiap hari Jumaat.
iv) Mengadakan nyanyian kumpulan Bhajan.
v) Menganjurkan seminar motivasi khas pendidikan.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Veelurajan dan Pn. Kamatchi atas segala bimbingan serta nasihat mereka bagi menjayakan projek dan aktiviti yang telah dijalankan. Diharap persatuan ini akan terus berkembang maju dalam usaha mencapai matlamatnya.

Sekian. Terima kasih.

Renganathan
Setiausaha

PERSATUAN AGAMA SIKH



Teacher cum Advisor:
Mrs. Amarjit Kaur

President:
Sawarn Singh

Vice President:
Jasvinder Singh

Secretary:
Amarjit Singh

Vice President:
Harvinder Singh

Treasurer:
Jai Nanak Singh

Committees:
Sukhvinder Singh
Manjit Singh

This society was formed to bring together all Sikh students. Our society comprises of 25 members from the morning and afternoon session. Throughout the year, we have carried out projects and games such as:–

1) Selection of new members
2) Inter school meetings every Fridays
3) Carrom competition
4) Football match against other schools
5) Religious quiz
6) Field trip to Central Market on Vasakhi Night
7) Prayers reading competition
8) PMR and SPM prayers

Again I would like to thank the teachers and also the members who have supported the Sikh Socity and made it possible.

And for now, "VAHEGURU JI KA KHALSA – VAHEGURU JI KI FATEH" ....

Sawarn Singh
President

KELAB INTERACT



Penasihat Rotary:
En. John Koshy
Pn. Teoh Kwan Swee
Pn. Jauriah
Pn. Yen Kim Yew
En. Tarmizi

Presiden:
Phang Sing Lum

Naib Presiden:
Allan Tan

Setiausaha:
Raymond Foo

Bendahari:
Wong Kok Onn

Pengarah Kebajikan:
Low Han Ho

Pengarah Kelab:
Chan Kong Loong

Pengarah Persefahaman Antarabangsa:
Cheah Hwa Keng

Tujuan Kelab Interact adalah untuk memberi peluang kepada golongan muda untuk bekerja bersama-sama dalam satu dunia persahabatan yang berasaskan semangat persahabatan dan persefahaman antarabangsa.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 1993/94:

1) Mesyuarat Agung Tahunan.
2) Pengambilan ahli baru.
3) Mesyuarat Antara Kelab Interact S.M. (P) Convent Sentul, S.M. (P) Jalan Ampang, S.M. (P) Jalan Ipoh dan S.M. Selayang Baru.
4) Mencipta kemeja-T yang baru khas untuk ahli jawatankuasa 1993/1994.
5) Meminta derma bagi pihak Persatuan Kanak-kanak Cacat Akal, Selangor dan Wilayah Persekutuan pada Hari Bendera.
6) Mengadakan Hari Mencuci Kereta Guru-guru untuk mengisi tabung kelab.
7) Mengindahkan Taman Interact.
8) Menjalankan kerja-kerja kebajikan di Wisma Harapan, Brickfields dengan menolong dalam penjualan kupon-kupon makanan dan mengendalikan jualan lambak yang diadakan selama dua hari.
9) Lawatan ke Kuala Selangor (Gabungan dengan Kelab Interact S.M (P) Convent Sentul, S.M. (P) Jalan Ampang, S.M. (P) Jalan Ipoh dan S.M. Selayang Baru selama dua hari.
10) Surat-menyurat dengan Kelab Interact dan Kelab Leo di seluruh Malaysia.
11) Menanam 300 buah pokok di Templer Park (Gabungan dengan Kelab Interact S.M. (P) Convent Sentul, S.M. (P) Jalan Ampang, S.M. (P) Jalan Ipoh dan S.M. Selayang Baru.
12) Menghadiri Institut Kepimpinan Interact yang diadakan di S.M. (P) Convent Sentul.
13) Menjual lencana kelab yang baru kepada ahli-ahli kelab.
14) Menjual burger dan minuman dalam tin pada Hari Merentas Desa.
15) Menghadiri 'Persidangan Interact Daerah 3300' yang ke-22 di Universiti Malaya. Seramai 400 ahli Kelab Interact dari seluruh Malaysia menghadiri persidangan itu.
16) Membina Taman Interact yang kedua.
17) Menolong dalam majlis pembukaan rasmi 'Perhimpunan Daerah Rotary' yang ke-60 anjuran Kelab Rotary Gombak yang menjadi tuan rumah pada kali ini di Federal Hotel.
18) Memasuki 'Pertandingan Projek Perkhidmatan Dan Persefahaman Antarabangsa Yang Terbaik' anjuran Kelab Rotary Gombak.
19) Mengadakan Hari Persefahaman Antarabangsa dan Hari Perlantikan.

Akhir kata, saya bagi pihak Kelab Interact ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada guru-guru penasihat atas tunjuk ajar mereka, tidak lupa juga kepada ahli-ahli yang telah memberi kerjasama untuk menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan kepada Kelab Rotary Gombak atas sokongan mereka. Semoga Kelab Interact akan terus berkembang maju bagi tahun-tahun yang akan datang.

"SERVICE ABOVE SELF".

Raymond Foo
Setiausaha

KELAB SENI LUKIS



Guru Penasihat:
En. Zainuddin Amran
En. Yam Fook Poh

Pengerusi:
Pua Ewe Leong

Setiausaha:
Lam Wai Yew

Bendahari:
Mohd Fadli Mat Sani

AJK:
Tan Poo Huat
Heng Zee Long
Lim Kai Wah
Lim Chee Hong
Yap Mun Soon
Tan Kee Keat

Matlamat utama kelab ini ialah ingin memupuk semangat dalam pelajar-pelajar dan ahli-ahli kelab supaya melahirkan minat dan potensi mereka dalam bidang seni lukis ini.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah atau akan dijalankan adalah seperti berikut:

1) Mesyuarat Agung Tahunan
2) Taklimat untuk menerangkan format baru lukisan bagi peperiksaan S.P.M. 1993/94 yang telah diadakan dan juga teori lukisan.
3) Mengadakan kursus di bengkel lukisan.

Disebabkan oleh beberapa halangan, kelab ini tidak dapat menjalankan aktiviti-aktiviti dengan giat dan lancar.

Akhir kata, saya bagi pihak Kelab ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat En. Yam dan En. Zainuddin yang sentiasa memberi dorongan dan bimbingan mereka bagi menjayakan kelab ini. Semoga kelab ini akan bergerak lebih aktif lagi pada masa akan datang.

"LUKISAN UNTUK KETENANGAN JIWA".

Lam Wai Yew
Setiausaha

PERSATUAN PERDAGANGAN DAN PENGGUNA



Guru Penasihat:
Pn. Yee Kok Seong
En. Cheang King Ting

Pengerusi:
Yeoh Teck Wee

Setiausaha:
Mohd. Fadil bin Abu Bakar

Bendahari:
Lam Wai Yew

AJK:
Mohd. Faizul Izwan
Badar Hisham

Persatuan Perdagangan dan Pengguna yang mempunyai 52 orang ahli telah mengadakan Mesyuarat agung bagi tahun ini pada 30.12.1993 bagi melantik ahli jawatankuasa baru sesi 1993/94.

Berikut merupakan program yang telah dan akan dilaksanakan pada tahun ini:–

1. Ceramah tentang fungsi dan cara-cara untuk mengisi buku cek dengan betul.
2. Ceramah tentang pasaran saham.
3. Pertandingan mencipta logo Kelab Pengguna Antara Sekolah.
4. Mengadakan pertandingan kuiz.
5. Lawatan sambil belajar ke Hong Kong Bank.


Persatuan ini merupakan sebuah persatuan yang bergerak secara aktif dan cergas selaras dengan prinsipnya yang ingin mendidik para pelajar tentang selok-belok perniagaan dan hak individu sebagai pengguna. Justeru itu, objektif utama penubuhan persatuan ini adalah untuk melahirkan bakal ahli perniagaan yang juga akan menjadi aset kepada negara bagi mencapai Wawasan 2020.

Akhir kata, saya dan AJK yang lain merakamkan ribuan terima kasih kepada Puan Yee Kok Seong dan Encik Cheang King Ting selaku guru penasihat dan semua yang terlibat bagi menjayakan persatuan ini.

Sekian. Terima kasih.

Mohd. Fadil b. Abu Bakar
Setiausaha

KELAB REKREASI DAN KECERGASAN



Guru Penasihat:
En. Zabidi
En. Mustafa

Pengerusi:
Abdul Kadir (4 Gemini)

Naib Pengerusi:
Rosli (4 Gemini)

Setiausaha:
Noremee (4 Libra)

Naib Setiausaha:
Hasrul Nizam (4 Aries)

Bendahari:
Jaafar (4 Libra)

Naib Bendahari:
Nazri (5 Taurus)

Ahli AJK:
Jaya Prakash (4 Taurus)
Mohd Azrizal (4 Libra)
Nasrul Iskandar (4 Leo)
Mohd Rizal (2 B 2)
Khairel Affendy (2 M 3)

Kelab ini ditubuhkan pada awal sesi tahun persekolahan 1993/1994 bertujuan untuk memupuk semangat cintakan alam sekitar dan juga melahirkan pelajar yang sihat, cergas, cerdas dan mempunyai keyakinan diri. Kelab ini menjalankan aktiviti utama pada tiap-tiap minggu hari persekolahan, bertempat di kawasan sekolah dan di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:

1. Berjogging dan senaman kecergasan
2. Tayangan video mengenai kecergasan dan kesihatan
3. Berkhemah pada musim cuti
4. Menyertai larian-larian amal
5. Menyertai kursus-kursus ketahanan fizikal

Akhir kata, saya bagi pihak kelab ini ingin mengucapkan terima kasih kepada guru penasihat atas segala bimbingan dan tunjuk ajar. Tidak lupa kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti kelab ini. Sekian, terima kasih.

Noremee
Setiausaha

RUMAH KUNING (KENYALANG)



Guru Penasihat:
Pagi:
Pn. Lau Chong Kong (Ketua)
En. Rama Rao (Penolong)
En. Mohd Ariff
Cik Nor Hadijah
Pn. Zarin Abdullah
Pn. Zakiah
Pn. Mardziah
Pn. Esah Othman

Petang:
Pn. Choo Lik Pin
En. Sukiman Sukimin
Pn. Nurbaini Zainal Abidin
En. Abd Rahman Abdullah
Pn. Oliza Omar
Pn. Azizah Abdullah

Ketua Rumah:
R. Vignesparan

Pen. Ketua Rumah:
K. Kannan

Setiausaha:
D. Sunder

Bendahari:
Chang Kok Wai

AJK Bendahari:
Wan Ahmad Nasroun
Thevaraj, M. Shashi

AJK Olahraga:
R. Vignesparan, Joseph Arun

AJK Merentas Desa:
T. Manithevan, K. Kannan

Pada tahun ini sejarah berulang lagi apabila Rumah Kuning sekali lagi memenangi gelaran johan keseluruhan dalam Temasya Sukan Tahunan. Sejak awal-awal lagi pasukan Kenyalang telah menunjukkan belangnya dalam acara larian jarak jauh dan acara padang. Kemunculan beberapa olahragawan berkaliber sebagai juara dalam acara merentas desa, lempar cakera, lontar peluru, lompat jauh dan lompat tinggi amatlah membanggakan.

Walaupun Rumah Kuning mendapat tempat kedua dalam acara lari merentas desa, namun kehebatannya dalam acara trek dan padang amat sukar ditandingi, sehingga merangkul gelaran johan kelas 1 dan kelas 3.

Akhir kata, nasib tidak memainkan peranan dalam pencapaian cemerlang Rumah Kuning pada tahun ini. Ia sememangnya merupakan hasil daripada usaha yang gigih, tabah dan dedikasi yang telah dicurahkan oleh wira-wira kami. Selaku setiausaha saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat yang telah memberi dorongan dan tunjuk ajar bagi memastikan tahun 1994 menjadi tahun kami. Seterusnya, saya berharap kejayaan pada tahun ini akan menjadi dorongan kepada semua peserta Rumah Kuning agar pencapaian tahun hadapan lebih cemerlang.

"PENYERTAAN ADALAH DETIK-DETIK KEMENANGAN".

D. Sunder
Setiausaha

RUMAH HIJAU



Guru Penasihat:
En. Yam
Pn. Pui Kim Lee

Ketua:
Mulyadi Nazarudin (5 Leo)

Pen.Ketua:
U. Suresh (5 Scorpio)

Setiausaha:
Wan Diyazid (5 Libra)

Bendahari:
Wong Sim Ming
(5 Aquarius)

Ketua Olahraga:
S. Vickneswaran
(5 Scorpio)

Ketua Merentas Desa:
Balu (5 Scorpio)

Ketua Kawad:
N. Vikneswarar (4 Gemini)

AJK Minuman:
Nasrul Haq (5 Leo)
Sofian (5 Libra)

AJK Peralatan:
Zaini (5 Taurus)

Pada tahun ini Rumah Hijau telah menunjukkan satu pencapaian yang agak memberangsangkan, baik acara Merentas Desa mahupun acara Sukan Tahunan.

Acara Merentas Desa:

Pasukan Rumah Hijau telah muncul sebagai juara keseluruhan. Dengan berbekalkan latihan yang cukup, para peserta telah menunjukkan semangat juang yang tinggi sehingga menjadikan Rumah Hijau muncul sebagai juara dalam acara merentas desa.


Temasya Sukan Tahunan

Dalam Temasya Sukan Tahunan, Rumah Hijau telah berusaha mengulangi kejayaan tiga kali berturut-turut iaitu 1990, 1991 dan 1992 di mana kami menjadi juara. Walau bagaimanapun nasib masih tidak menyebelahi kita pada tahun ini. Semangat juang yang telah ditunjukkan oleh atlit Rumah Hijau harus dihargai walaupun kita hanya menjadi Naib Juara.

Di akhir laporan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas dorongan dan kata-kata semangat oleh guru-guru penasihat. Diharap pada tahun depan Rumah Hijau akan terus cuba berusaha menjadi juara keseluruhan. Sekian.

Setiausaha
Wan Diyazid

RUMAH BIRU



Guru Penasihat:
En. Sharil (Ketua)
Pn. Norkhidah
Pn. Arina
Pn. Lai
En. Su Too Fong

Ketua:
Moorthy

Pen. Ketua:
S. Paramanathan

Setiausaha:
G. Kaarthigayan

AJK:
Tan Teik Siong
Phang Sing Lam
Leonard
Gunasegaran
Zulkifli
Tan Poo Huat

Rumah Biru pada tahun ini telah berlatih bersungguh-sungguh untuk menghadapi Hari Sukan dan Hari Merentas Desa. Tetapi malangnya mereka tidak menjadi johan untuk kedua-dua acara itu.

Tahniah harus diucapkan kepada ahli-ahli kerana sanggup menghadiri latihan sukan di sebelah petang.


Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesanggupan guru-guru penasihat rumah yang telah memberikan tunjuk ajar serta memberi semangat kepada kami. Tahun hadapan pasti akan menjadi lebih hebat lagi dan rumah Biru akan melahirkan lebih banyak jaguh lagi.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA".

Selamat Maju Jaya.

Kaarthigayan a/l Gurusamy
Setiausaha

RUMAH MERAH



Guru Penasihat:
En. Lim Tong Eng
Pn. Nur Azlina
Pn. Rohani
Cik Goh
Cik Mary Raj

Ketua Rumah:
Ng Kok Chung (5 Gemini)

Pen. Ketua Rumah:
Imran (5 Libra)

Setiausaha:
Mohd. Asfazli (5 Gemini)

Pen. Setiausaha:
Allan Tan (5 Taurus)

Bendahari:
Lakhvinder Singh
(5 Aquarius)

Pen. Bendahari:
Kwan Pek Soon
(5 Aquarius)

Seperti tahun-tahun yang lepas, pencapaian bagi Rumah Merah pada tahun ini kurang memuaskan.

Walaupun kami telah gagal untuk mencapai tempat pertama dalam Sukan Tahunan dan Hari Merentas Desa, namun demikian, kami telah mencuba sedaya upaya dan menunjukkan satu semangat kesukanan yang tinggi.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru penasihat yang telah memberi dorongan dan sokongan kepada ahli-ahli Rumah Merah yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh.

Sekian, terima kasih.

Ng Kok Chung
Ketua Rumah

RUMAH UNGU



Guru Penasihat:
Sesi Pagi:
Pn. Low Yew Lim (Ketua)
Pn. Rokiah bt. Bakut
Pn. Ruzita bt. Othman
Pn. Teoh Kwan Swee
Pn. Yee Kok Seong
En. Zainuddin b. Amran
En. Lim Ther Ping

Sesi Petang:
En. Douglas Ratnapala (Ketua)
Pn. Wong Siew Hium
Pn. Rahmah bt. Othman
Pn. Kamatchi
Pn. Nooraini bt. Abd. Hamid
En. Mashar b. Hamdan

Ketua Pasukan:
Yap Mun Soon (5 Aries)

Pen. Ketua Pasukan:
Mohd Hazizi (5 Taurus)

Setiausaha:
Andrew Tan Tze Yuen (5 Aquarius)

Bendahari:
Tan Choon Keat (5 Aquarius)

Wakil Tingkatan Lima:
Azuan (5 Taurus)

Wakil Tingkatan Empat:
Ahmad Fauzi (4 Leo)

Wakil Tingkatan Tiga:
Ng Chee Keong (3 Setia 2)

Ahli Jawatankuasa Kecil

Olahraga	:	Siva Prakash	(5 Taurus)
Merentas Desa	:	Benjo Thiruselvam	(3 Bakti 3)
Pendaftaran Ahli	:	Teng Chik Keong	(5 Leo)
Minuman	:	Shahrizuan	(5 Scorpio)
Peralatan	:	Suriamurthy	(5 Aries)
Kawad	:	Irwan Shahrani	(5 Leo)

Pencapaian keseluruhan bagi Rumah Ungu pada tahun ini, adalah pada tahap sederhana. Dalam acara Merentas Desa dan Sukan Tahunan, kami tidak berjaya mencapai keputusan yang cemerlang tetapi kami berjaya membuktikan bahawa kami mampu memberikan saingan yang hebat kepada rumah-rumah lain.

Satu perkara yang boleh dibanggakan ialah semangat perpaduan, kerjasama dan kesukanan yang telah ditunjukkan oleh setiap ahli rumah. Diharap semangat kesukanan dan api perjuangan akan tetap menyemarak di dalam jiwa setiap ahli. Akhir kata, saya bagi pihak Rumah Ungu ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua Guru Penasihat yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan galakan kepada kami.

"Perkara yang paling penting, bukanlah kemenangan, tetapi semangat kesukanan yang ditonjolkan oleh setiap individu di setiap gelanggang. Api perjuangan yang membara, disertai semangat kesukanan yang menyemarak dan berbekalkan keyakinan diri dan kekuatan tubuh dapat menumpaskan, bukan seorang, tetapi beribu lawan.":

"MAJULAH SUKAN UNTUK SEKOLAH".

Andrew Tan Tze Yuen
Setiausaha

PASUKAN BOLASEPAK BAWAH 18 DAN 15



Pengurus Pasukan:
Bawah 18: En. Mohd Arif Mohd Ali
Bawah 15: En. Rahmat b. Khatib

Jurulatih:
En. Ahmad Kamal Ismail (Ketua)
En. Mohd Arif Mohd Ali
En. Rahmat b. Khatib

Pembantu Pengurus:
Asfazli Mustapha
Khairul Hisyam Salim

Pemain Bawah 18 tahun:
Mohd Hamizul Hosni (Ketua)
Mohd Nizam Dzakaria
Mohd Fauzi Nordin, K. Ramesh,
U. Suresh, Suresh D.
Balasubramaniam
Azman Abd. Wahid
Mohd Imran Razali
Ismail Eusop, Joseph Aaron
K. Kannan, Adam Khuasiri
Mohd. Nizam Kamaruddin
A. Kunaseelan
Mohd. Azlee Mohd. Noh
Mohd. Rizal Arselan
Tirtha Bahadur
Suhaimi Azmir Ayob
Mohd Hazizi Hanapiah

Pemain Bawah 15 tahun:
Hazril Hisham Husin (Ketua)
Azman Nordin
Zaflee Zainuddin
Mohd Khairul Harun
Christian George
Rapoo Veloo, Lee Meng Keong
Mohd Nizaruddin Yusof
Amir Abu Bakar, S. Thiruvarasu
Zulkifli Abu Bakar, Loi Jin Kit
Yunus Mohammad, A. Darmesh
Mohd Adha Mohd Khalid
Asrul Affendy Abd. Majed
L. Visvanathan, A. Nanda Kumar
Mohd Azree Azwa ARif
Mohd Zazali Mohd Zain

Tahun ini sekali lagi pasukan Bolasepak MBS Sentul mencatatkan sejarah gemilang di arena bolasepak MSSWP. Pasukan bawah 15 tahun telah muncul johan MSSWP Bawah 15 tahun manakala pasukan bawah 18 tahun hanya berjaya hingga ke separuh akhir kalah tipis kepada pasukan SM Victoria (0–1). Di peringkat zon Sentul pula pasukan Bawah 18 tahun telah menjadi johan dan Bawah 15 menjadi naib johan zon.

Keputusan perlawanan:–

A) Bawah 18 tahun

1. Zon Sentul

a)	MBS menang SM Bandar Baru	(2–1)	
b)	MBS menang SM Kepong Baru	(2–0)	
c)	MBS menang SM Raja Ali	(2–1)	
d)	MBS menang SM Maxwell	(4–0)	Separuh Akhir
e)	MBS menang SM Agama K.L.	(4–0)	Akhir

2. MSSWP Antara Zon

a)	MBS menang SM Bangsar	(2–1)	
b)	MBS seri SM Aminuddin Baki	(0–0)	
c)	MBS menang SM Seri Ampang	(8–1)	
d)	MBS kalah SM Victoria	(0–1)	Separuh Akhir

B) Bawah 15 tahun

1. Zon Sentul

a)	MBS seri SM Bandar Baru	(1–1)	
b)	MBS menang SM Maxwell	(5–2)	
c)	MBS menang SM La Salle	(2–0)	
d)	MBS menang SM Agama K.L.	(2–0)	Separuh Akhir
e)	MBS menang SM Raja Abdullah	(3–0)	Separuh Akhir
f)	MBS kalah SM Raja Ali	(1–2)	


2. MSSWP Antara Zon

a)	MBS seri SM Victoria	(1–1)	
b)	MBS menang SM Cochrane	(2 –1)	
c)	MBS kalah SM Dato Lokman	(2–3)	
d)	MBS menang (Pen.) SM La Salle Brickfields	(4–2)	Separuh Akhir
e)	MBS menang SM Cheras	(3–1)	Akhir

Di sini dirakamkan setinggi penghargaan diberikan kepada Tuan Pengetua En. A. Atputharaja kerana memberikan sokongan dan dorongan untuk pasukan bolasepak. Seterusnya kepada semua guru-guru dan pemain-pemain yang telah bertungkus lumus menjalani latihan sepanjang tahun.
"MAJU TERUS MAJU" "ORA ET LABORA"

Pengurus Pasukan
Bolasepak Bawah 18 dan 15

OLAHRAGA



Pasukan sekolah telah mencapai kejayaan yang boleh dikatakan cemerlang di peringkat negeri mahupun peringkat kebangsaan khususnya dalam acara-acara jarak jauh. Sejak sedekad yang lalu pelari-pelajari jarak jauh sekolah kita terkenal di peringkat negeri. Pada tahun ini prestasi mereka meningkat lagi dan tiga orang pelajar kita telah mewakili Wilayah Persekutuan dalam Sukan SUKMA yang diadakan di negeri Perak.

Pencapaian-pencapaian tahun ini.

(a) Larian 10 km (Bahagian Junior)

(i)	Larian 10 km Visit Malaysia	Pingat Emas – M. Seelan (Junior); Kelima – R. Vignesparam
(ii)	Larian 10 km Shah Alam	Johan – Pasukan MBS Sentul
(iii)	Larian Johor Baru	Di bawah 20 tahun – P. Gangsa – M. Seelan Di bawah 13 tahun – P. Perak – N. Saravanan
(iv)	Larian Nike – 100 Plus	Johan – M. Seelan; Kelima – R. Vignesparan
(v)	Larian Visit Malaysia Year di Melaka	Perak – M. Seelan
(vi)	Larian Half Marathon di Seremban	Emas – M. Seelan ; Keempat – N. Vikneswaran

(b) Lari Berganti-ganti Lebuhraya MSSWP POAWP

Di bawah 18 tahun – Johan – MBS Sentul Pasukan A	Naib Johan – MBS Sentul Pasukan B
Di bawah 16 tahun – Johan – MBS Sentul Pasukan B	Ke-4 – MBS Sentul Pasukan A

(c) Kejohanan Olahraga MSSWP

Di bawah 20 tahun

(i)	5000m	–	Pingat Emas	–	M. Seelan
(ii)	3000m	–	Pingat Emas	–	R. Vignesparan
	(Lari Berhalangan)		Pingat Gangsa	–	N. Vickneswaran
(iii)	1500m	–	Pingat Emas	–	M. Seelan
			Pingat Perak	–	R. Vignesparan
(iv)	800m	–	Pingat Emas	–	R. Vignesparan
(v)	Lompat Tinggi	–	Pingat Gangsa	–	T. Manithevan
(vi)	4 x 400 m	–	Pingat Gangsa	–	Pasukan MBS

Di bawah 16 tahun

(i)	2000 m Lari Berhalangan	–	Pingat Emas	–	S. Vikneswaran
(ii)	1500 m	–	Pingat Emas	–	S. Vikneswaran
(iii)	800 m	–	Pingat Emas	–	S. Vikneswaran

Di bawah 14 tahun

(i)	1500 m	–	Pingat Emas	–	N. Saravanan

(d) Kejohanan Olahraga MSSM di Seremban. Tiga orang pelajar kita R. Vignesparan, M. Seelan dan S. Vikneswaran telah mewakili Wilayah Persekutuan.

Keputusan: Umur di bawah 20 tahun

(i)	5000 m	–	Pingat Gangsa	–	M. Seelan
(ii)	3000 m Lari Berhalangan	–	Pingat Perak	–	R. Vignesparan

Di bawah 16 tahun

(i)	2000m Lari Berhalangan	–	Pingat Perak	–	S. Vikneswaran

(e) Sukan SUKMA

Tiga orang pelajar kita R. Vignesparan, M. Seelan dan S. Vikneswaran dipilih untuk mewakili Wilayah Persekutuan.

Keputusan:	5000 m	–	Pingat Gangsa	–	M. Seelan
	10,000 m	–	Pingat Gangsa	–	M. Seelan

R. Vignesparan telah dipilih untuk mewakili negara dalam kejohanan olahraga sekolah-sekolah ASEAN di Singapura (3—5hb Ogos 1994).

R. Vignesparan
Setiausaha

PASUKAN HOKI



Pasukan Dibawah 18 tahun:

Ketua Pasukan:
Jayan JR (Center half)

Penolong K. Pasukan:
Suresh U. (Center back)
Santanadass (Goalkeeper)
Anand (Sweeper)
Thirtha (Right back)
Kandasamy (Right back)
Kandasamy (Left back)
Sivapragas (Right half)
Vickinesparan (Left half)
Manithevan (Right wing)
Teryboy (Left wing)
Prakash (Center forward)

Simpanan:
Nathan 2 Big (Goalkeeper)
Gunaselvam (Right back)
Guna (Right wing)
Gopi (Forward)
Hariharan (Forward)
Harrinder (Forward)

Pemain Bagi Peringkat Antara Zon (MSSWP)
Azlan (Left back)
Ragu (Forward)

Pasukan Hoki MBS, Sentul terdiri daripada pasukan bawah 15 tahun dan 18 tahun di bawah penyeliaan En. M. Kumeresen dan En. Saiful. Pasukan bawah 15 tahun dan 18 tahun telah memulakan latihan sejak awal tahun lagi. Pasukan kami juga telah mengadakan beberapa perlawanan persahabatan sebelum pertandingan Zon Sentul bermula. Pasukan bawah 15 tahun menjadi naib johan Zon Sentul dan melayakkan diri ke pertandingan MSSWP tetapi malangnya telah kalah. Manakala pasukan bawah 18 tahun telah menjuarai Zon Sentul dan melayakan diri ke peringkat antara Zon iaitu MSSWP.

Bagi pertandingan antara Zon, pasukan MBSS telah dikategorikan sebagai pasukan pilihan untuk menjuarai pertandingan tersebut setelah menjuarai Zon Sentul dengan membelasah semua pasukan di Zon Sentul. Pasukan kami telah menjaringkan sebanyak 40 biji gol dalam 6 perlawanan dan tidak melepaskan sebarang gol. Ini adalah satu sejarah bagi pasukan MBSS. Tetapi satu tragedi yang buruk telah berlaku semasa pertandingan MSSWP apabila menentang pasukan Cochrane setelah pengadil melayangkan 3 kad kuning kepada pemain kami. Perlawanan itu bertukar rentak setelah kami menguasai 3/4 daripada perlawanan tersebut dan malangnya pasukan kami ditewaskan dengan (1–0) dan pasukan pilihan tersingkir keluar.

Keputusan Perlawanan
Zon Sentul:

MBSS vs SM La Salle, Sentul	(2–0)	(Menang)
MBSS vs SM Bandar Baru, Sentul	(9–0)	(Menang)
MBSS vs SM Kepong	(10–0)	(Menang)
MBSS vs SM Titiwangsa	(7–0)	(Menang)
MBSS vs SM Maxwell	(5–0)	(Menang) Peringkat Separuh Akhir
MBBS vs SM La Salle, Sentul	(7–0)	(Menang) Peringkat Akhir Zon Sentul

Antara Zon (MSSWP):

MBSS vs SM Sri Ampang	(5–0)	(Menang)
MBSS vs Maktab Tentera Diraja Malaysia	(0–0)	(Seri)
MBSS vs SM Cochrane	(0–1)	(Kalah)

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengetua, En. A. Atputharaja, En. M. Kumeresen dan En. Saiful kerana memberikan semangat dan dorongan kepada kami. Saya juga ingin mengucpakan terima kasih kepada En. Veelu kerana sudi meluangkan masa beliau untuk turut datang menyokong pasukan kami apabila kami bermain. Akhir sekali, saya berharap agar semua pemain pada masa akan datang akan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan lagi prestasi pasukan hoki MBS, Sentul.
"Sekian, terima kasih."

Jayaseelan Rajoo @ Jayan JR, Ketua Pasukan

PASUKAN BOLA TAMPAR



Guru Penasihat:

En. Mohd. Shariel (U-18)
Cik Suzaini (U-15)
En. Choo Chee Seng

Pemain-pemain (U-18)

Wong Sim Ming (Kapten)
Chong Yew Soon
Chua Kok Chong
Chin Yoon Wei
Lim Kok Leong
Lim Chee Hong
Low Chee Ta
Yeoh Teck Wee
Tang Dian Lai

Pada tahun ini, pencapaian pasukan bola tampar bawah 18 tahun tidak begitu memberangsangkan. Namun beberapa pemain pasukan kami telah dipilih bermain untuk skuad Wilayah Persekutuan.


Bagi pasukan bawah 15 tahun pula, kami telah berjaya menjadi naib johan bagi peringkat Zon Sentul. Di dalam kejohanan MSSWP, pasukan 15 tahun ini telah berjaya menjadi johan.

Di sini, kami ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada 3 orang guru penasihat kami yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada kami. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Tuan Pengetua, En. Atputharaja dan Penolong Kanan H.E.M., Puan Norsiah yang memberi sokongan penuh terhadap kami.

Akhirnya diharapkan pasukan bola tampar sekolah ini akan terus mencapai kejayaan-kejayaan dalam kejohanan-kejohanan yang bakal dihadapi dan mengekalkan semangat kesukanan M.B.S.

Wong Sim Ming
Kapten

BADMINTON



Guru Penasihat:
En. Su Too Fong

Nama-nama AJK:

D. Sunder
(Ketua Pasukan)

Siva Pragas (Penolong)

Hoh Choon Kit

Terence Chew

Narenthiran

Chang Kok Wai

Tan Eng Lee

Lee Meng Keong

Siew Aik Hua

Ng Eng Huat

Aktiviti-aktiviti:

1. Latihan pusat diadakan 3 kali seminggu
2. Menyertai pertandingan badminton berpasukan Zon Sentul dan Antara Zon.
3. Menyertai pertandingan badminton individu Zon Sentul dan Antara Zon.
4. Mengadakan satu sessi pemilihan.


Pada tahun ini keputusan pasukan Badminton agak memberangsangkan. Di acara individu pasukan badminton telah menghantar wakilnya di bawah 20 tahun dan di bawah 15 tahun di acara ini. D. Sunder muncul sebagai N. Johan bawah 20 tahun manakala pasangan beregu Tan Eng Lee/Lee Meng Keong berjaya muncul sebagai johan Zon Sentul bawah 15 tahun. D. Sunder dan pasangan beregu Tan Eng Lee dan Lee Meng Keong telah mewakili Zon Sentul ke Kejohanan Antara Zon dimana masing-masing berjaya ke peringkat separuh akhir.

Dalam acara berpasukan, pasukan badminton bawah 18 tahun kurang bernasib baik pada tahun ini kerana kecundang kepada S.M. Chong Hwa Persendirian dengan mata 2–3 di peringkat separuh akhir. Pasukan bawah 15 tahun pula muncul sebagai N. Johan apabila tewas kepada S.M. Titiwangsa dengan mata 2–3.

Saya sebagai ketua pasukan badminton ingin mengucapkan terima kasih kepada guru penasihat kami ke atas sumbangan yang telah beliau curahkan. Seterusnya, saya berharap persediaan yang lebih rapi dilaksanakan untuk mencapai kejayaan cemerlang pada tahun hadapan.

D. Sunder
Ketua Pasukan

PASUKAN SEPAK TAKRAW



Guru Penasihat:
En. Zaidi Ramli
Pn. Ruzita Othman

Pemain Bawah 15:
Md. Azli
Christian Jabanes
Md. Nizarudin
Elharman
Azri Azuar
Zulkiflee
Loi Jin Kit
Md. Surat
Yunus
Jamhuri
Md. Tawal
Md. Razali
Kristino

Pemain Bawah 18:
Md. Nizam
Md. Shah Ishak
Md. Imran
Yassin
Ahmad Nizam
Kamal
Shaharidzuan
Ahmad Fadzli
Md. Anuar
Morly

Keputusan Perlawanan Zon Sentul

MBS lwn La Salle	2 – 0
MBS lwn Titiwangsa	2 – 0
MBS lwn Raja Ali	2 – 0
MBS lwn S.M. Agama	2 – 0

Akhir

MBS lwn Maxwell	2 – 0
(Johan Zon Sentul)	

Peringkat-peringkat Zon Wilayah

MBS lwn V.I.	2 – 0
MBS lwn S.M. San Peng	2 – 0
MBS lwn Sri Ampang	1 – 2

Akhir

MBS lwn Sri Ampang	2 – 1
(Johan peringkat zon-zon Wilayah)	

Kemenangan kami adalah di atas semangat perjuangan pemain yang tinggi, di samping sokongan padu dari guru-guru dan semua pelajar MBS. Akhir sekali, ribuan terima kasih kami, pemain sepak takraw bawah 15 kepada En. Zaidi, En. Zabidi dan guru-guru di atas tunjuk-ajar dan sokongan.

Ketua Pasukan
Mohd Azli.

Keputusan Perlawanan Zon Sentul

MBS lwn La Salle	3 – 0
MBS lwn Bandar Baru	2 – 1
MBS lwn Raja Ali	2 – 1
MBS lwn S.M. Agama	1 – 2

Walaupun kami tewas pada tahun ini, kami tetap tidak berputus asa, dan tetap akan mencuba pada tahun hadapan. Atas sokongan dan tunjukajar En. Zabidi dan guru-guru, diucapkan ribuan terima kasih.

Kapten
Shaharidzuan

PASUKAN PING PONG



Pemain bawah 18 tahun

Lee Yeow Keong
Chan Huat Lai
Sam Teck Seng
Muhammad Azrizal b. Jasid
Mohd. Nazir b. Samsudin
Meruin Aaron a/l Jothimanickam
Phua Boon Sun

Pemain bawah 15 tahun

Cheong Choon kan
Wan Syafry Noor
Gan Fuk Shern
Sebastian Fong Kok Liang

Pertandingan ping pong (lelaki) MSSWP peringkat zon Sentul telah diadakan pada Ogos 1993 di SM La Salle Sentul, Kuala Lumpur.

Tahun ini adalah tahun yang agak cemerlang bagi pasukan ping pong SM Laki. Methodist Sentul kerana beberapa orang pemain kita berjaya melepasi perlawanan pertama. Bagi kategori bawah 20 Cina, pemain sekolah kita berjaya mengalakkan pemain-pemain dari sekolah La Salle (berpasukan), Maxwell (individu) tetapi tewas kepada SM Chung Hwa (berpasukan dan individu). Bagi kategori bukan Cina pula kita berjaya menewaskan pemain SM La Salle (individu) tetapi tewas di peringkat separuh akhir kepada SM Agama Kuala Lumpur. Kategori bawah 15 tahun pula sekolah kita berjaya menewaskan SM Raja Abdullah (berpasukan) tetapi tewas kepada SM Raja Ali dalam acara berpasukan dan individu.

Akhir kata saya mewakili semua para pemain ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. Cheong kerana bersusah payah menjaga dan menasihati kami, sepanjang hari pertandingan tersebut. Semoga pada tahun hadapan ramai lagi pemain yang akan menyinari sukan ping pong sekolah kita.

Mohd Nazir
Setiausaha

PASUKAN BOLA KERANJANG



Guru Penasihat:
En. Chan Chee Man
Pn. Zarrin Abdullah

Pemain bawah 18 tahun:
Tan Teik Jin (Ketua)
Yap Soon Tin (Pen. Ketua)
Tee Chiah Keong
Raguranamurthy
Ng Kok Chung
Ng Kai Mun
Ng Chee Keong
Chai Ming Loon
Lim Yan Shuay
Lim Chin Seng
Yong Chee Yin
Tang Dian Lai

Pemain bawah 15 tahun
Gan Fuk Shern (Ketua)
Ooi Siak Chew (Pen. Ketua)
Kwan Pek Loy
Teoh Check Jin
Yap Soon Kuan
Heng Yik Chee
Hong Chee Kian
Chan Wai Hong
Chung Chee Chuan
Jerry Soon Eng Tee
Lawrence Teh
Leong Chee Sang

Pasukan Bola Keranjang MBSS terdiri daripada bawah 15 tahun dan 18 tahun di bawah penyeliaan En. Chan Chee Man dan Pn. Zarrin Abdullah. Latihan juga diadakan setiap hari Khamis, Jumaat dan Sabtu. Pasukan ini terdiri daripada 75 orang pemain.

Pada 25 Mac 1994 hingga 9 April 1994, Pesta Bola Keranjang (Lelaki) MSSWP Zon Sentul 1994 yang berada di S.M. Chong Hwa (P). Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Tahun ini merupakan tahun yang agak sederhana bagi pasukan kami. Kami kecundang pada peringkat awal pertandingan tersebut. Sungguhpun pasukan kami tewas, semangat kesukanan serta semangat perjuangan yang ditunjukkan oleh para pemain tidak pernah luntur.

Akhir kata, saya selaku penolong ketua Pasukan Bola Keranjang MBBS (U.15 dan U.18) ingin mengucapkan ribuan terima kasih. Kepada guru penasihat pasukan En. Chan, Pn. Zarrin dan tidak lupa juga kepada penolong kanan HEM, Puan Norsiah. Mereka yang sentiasa memberikan sokongan moral serta tunjuk ajar. Diharap Pasukan Bola Keranjang MBBS akan menjadi lebih unggul pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Penolong Ketua
Yap Soon Tin

PASUKAN KRIKET



Guru Penasihat:
En. Douglas
En. C.D. Sinniah

Jurulatih:
En. Saiful

Ketua Pasukan:
S. Jegathisan

Pen. Ketua Pasukan:
S. Pamesh Kuma

Setiausaha:
Harmit Singh

Pemain-pemain:
S. Kumaran
P. Subbarau
A. Thiagarajah
N. Bala
M. Vinothen
G. Kaarthigayan
K. Prem Kumar
V. Kalaivanan
S. Vijaya Kumar
S. Simon James
R. Gunasegaran
Jayandran

Pasukan Kriket MBS Sentul, terdiri daripada 15 pemain yang dipilih, pada awal tahun 1994. Latihan progresif telah diadakan sejak awak bulan Januari 1994. Pasukan Kriket juga telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan dua buah sekolah, iaitu S.M. Victoria dan S.M. Datuk Lokman di Stadium Jalan Raja Muda pada cuti pertengahan tahun.

Di sini setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Tuan Pengetua En. A. Atputharaja kerana memberi semangat dan dorongan. Tidak lupa juga kepada jurulatih kami En. Saiful kerana sudi meluangkan masa untuk melatih kami.

Saya sebagai setiausaha pasukan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru penasihat kami En. Douglas dan En. C.D. Sinniah yang turut memberi semangat dan sokongan.

Sekian. Terima kasih.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA".

Harmit Singh
Setiausaha Pasukan

KELAB CATUR



Guru Penasihat:
En. Lim Tong Eng
Pn. Rahmah Othman

Pengerusi:
Lam Wai Yew

Naib Pengerusi:
Ng Say Long

Setiausaha:
Giridharan

Naib Setiausaha:
Lim Robin Idah

Bendahari:
Meor

Naib Bendahari:
Edwin Chen Win Keong

AJK Penyelaras Aktiviti:
Toh Chin Kok

AJK Alatan:
Tan Seng Hong

AJK Publisiti:
Brian Tan Kian How

AJK Pertandingan:
Hang Chen Ing

Tahun 1994 mencatat kejayaan terbesar dalam sejarah Kelab Catur. Keputusan pertandingan MSSWP Zon Sentul telah membuktikan keunggulan Kelab Catur MBS dengan menjuarai kategori pasukan B-15 dan perseorangan B-20. Pasukan sekolah sekali lagi menampilkan keunggulannya dalam pertandingan catur peringkat MSSWP dengan mengatasi S.M. Victoria untuk menjuarai kategori pasukan B-15. Memandangkan prestasi pemain catur MBS Sentul di MSSWP, 4 pemain catur telah dipilih untuk memasuki satu pemilihan untuk membolehkan mereka mewakili Kuala Lumpur dan bertanding di peringkat kebangsaan. Antara aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan ialah:–

1) Terbuka Bestari Universiti Malaya
2) Pertandingan Catur Allegro (tempat kedua)
3) Perlawanan persahabatan dengan S.M. (P) Pudu, Kuala Lumpur.
4) Pertandingan yang dianjur oleh S.M. St. John, Kuala Lumpur.
5) Pertandingan catur peringkat Zon Sentul.
6) Pertandingan catur peringkat MSSWP
7) Terbuka Cabaran Kuala Lumpur
8) Terbuka Remaja PPKL (Juara Kategori B-16)
9) Kejohanan Catur Remaja Terbuka Royal Selangor Ke-8 (tempat kesepuluh B-16)


Selain daripada menjuarai pertandingan catur peringkat Zon Sentul dan MSSWP. Pemain catur sekolah yang bernama Ng Say Long juga telah mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Catur Allegro, juara B-20 Zon Sentul, Juara B-16 Terbuka Remaja PPKL dan tempat kesepuluh dalam Kejohanan Catur Remaja Terbuka Royal Selangor ke-8. Antara aktiviti-aktiviti yang tidak disenaraikan ialah sessi latihan Kelab Catur pada hari Jumaat dan Sabtu di kelas 4 Aquarius. Kini bilangan ahli-ahli kelab menjangkau seramai 72 orang.

Sebagai penutup, saya, bagi pihak kelab, ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada guru penasihat serta guru-guru lain yang terlibat dalam memberi sumbangan kepada Kelab Catur. Kelab Catur berazam menjadikan permainan catur sebagai satu permainan yang terkenal dan setaraf dengan permainan bola sepak.

Sekian, terima kasih.

Ng Say Long
Naib Pengerusi

PERSATUAN SENI SILAT GAYONG (MALAYSIA)



Jurulatih
En. Tahir b. Saidon
(Khalifah Muda Majlis Beradat Negeri Selangor)

Pen. Mohd Saiful Anuar b. Haji Mokhtar

Pengerusi:
Mohd Aizam (5 Taurus)

Naib Pengerusi:
Sohpian Arifin (3M3)

Setiausaha:
Mohd Idham (5 Libra)

Naib Setiausaha:
Fauzi b. Othman (2B3)

Bendahari:
Wan Izham (3M1)

AJK:
Shaigul Abu Bakar (5 Taurus)
Hatmi Said (4 Scorpio)

Assalamualaikum wbr.
Pertubuhan Seni Silat Gayong (Malaysia) ditubuhkan di sekolah ini adalah untuk menanam sifat kepahlawanan dan ketahanan diri di kalangan murid-murid. Persatuan kami terdiri daripada 35 orang ahli. Kebanyakan ahli adalah daripada pelajar tingkatan 1 dan 2. Pengambilan ahli dari tingkatan 1 dan 2 bertujuan mencungkil pesilat-pesilat muda yang bakal mewarisi seni silat gayong ini pada masa akan datang.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:
* Pengambilan ahli baru dan penyusunan pentadbiran
* Mesyuarat Agung Tahunan
* Berniaga di hari Merentas Desa
* Kem silat olahraga di sekolah pada waktu cuti
* Mesyuarat bulanan
* Latihan tiap-tiap hari Sabtu.

Kami juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak PIBG kerana bermurah hati menyumbangkan wang untuk membiayai pakaian seragam seni silat terhadap pertubuhan ini. Tidak lupa juga kepada pihak sekolah, guru penasihat, ibu bapa serta jurulatih kerana telah banyak memberi semangat dan galakan kepada kami untuk terus maju dalam seni silat. Dengan adanya sokongan dari semua pihak, pertubuhan ini dapat dijaga dengan baik.

Semoga pertubuhan ini akan lebih maju lagi pada masa-masa yang akan datang. Dengan adanya bakat-bakat baru dalam seni persilatan, Insyaallah warisan ini tidak akan ketinggalan dan Malaysia akan menjulang nama di dunia persilatan.

"HIDUP SILAT, HIDUP GAYONG, HIDUP MALAYSIA".

Wassalam
Mohd Idham b. Mohamad Yunus
Setiausaha

PERSATUAN KAROM



Presiden:
Azrul Affendy
bin Mohd Nor

Naib Presiden:
Johari bin Mustafa


Setiausaha:
Kua Soon Tuck

Bendahari:
Tan Peng Kuan

Kelab ini ditubuhkan bertujuan untuk menarik minat pelajar-pelajar terhadap permainan karom. Kelab ini mempunyai 32 orang ahli. Tahun ini ramai orang berminat terhadap kelab ini. Dengan bantuan Pn. Wong sebagai guru penasihat saya berharap kelab ini boleh berjalan dengan lancar. Akhir kata diharap kelab ini dapat diperkembangkan di masa yang akan datang. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pn. Wong kerana beliau meluangkan masanya memberi tunjuk ajar kepada ahli-ahlinya.

Kua Soon Tuck
Setiausaha

KELAB TAEKWANDO



Guru Penasihat:
Pn. Pui Kim Lee

Jurulatih:
En. Wong Siew Pang

Pengerusi:
Lim Robin Idah
(4 Aquarius)

Naib Pengerusi:
Yong Chee Yin
(3M3)

Setiausaha:
Tan Min Keong

Bendahari:
Selva Kumar

AJK:
Penyelaras Aktiviti:
Ng Say Long (4 Aquarius)

Peralatan:
Chen Win Keong

Publisiti:
Andy Tham

Wakil Tingkatan:
Wong Siew Ken (3M3)
Tan Hoe Weng

Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Taekwando MBS sesi 1994 telah diadakan pada 10 Jan. 1994 dan melantik AJK baru.

Selepas ditubuhkan hampir 12 tahun yang lalu, Kelab Taekwando MBS kini mempunyai kira-kira 40 orang ahli. Tujuan penubuhan kelab ini adalah untuk memperkenalkan seni mempertahankan diri kepada pelajar-pelajar untuk menghadapi sebarang kemungkinan di samping menanam sifat ketahanan diri, berdisiplin, toleransi dan semangat berpasukan.

Latihan bagi ahli-ahli kelab diadakan pada setiap hari Sabtu (8.00 pagi – 9.30 pagi) di dewan MBS dan latihan tambahan pada hari Rabu dan Jumaat (8.00 malam – 9.30 malam) di Sek. Rendah Batu (4). Yuran bulanan bagi ahli-ahli ialah RM5 sebulan dan RM11 setahun. Berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya tahun ini kelab ini mempunyai peralatan yang lengkap untuk kegunaan ahli-ahli semasa latihan.

Semoga kelab ini akan berkembang lagi dan diharap ia akan memberi manfaat kepada ahli-ahlinya.

Sekian, terima kasih.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA".

Yang menjalankan tugas,

Lim Robin Idah
Pengerusi

KELAB KARATE-DO



Guru Penasihat:
En. Veelurajan

Jurulatih Kelab:
En. Subramaniam
En. Paramasivam

Pengerusi:
Jaganraj a/l Selvaraju

Naib Pengerusi:
Kumaravel Pillai

Setiausaha:
Jaya Prakash a/l
Jaya Silan

Bendahari:
Vewarajah

AJK:
S. Kumaran
D. Dewasagayam

Kelab Karate sekolah ini sentiasa mendapat pencapaian yang membanggakan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Pada tahun ni juga, kelab ini berjaya mencungkil bakat-bakat baru.

Di dalam pertandingan 'Malaysia Karate Federation's Junior's Tournament' seorang daripada ahli kelab karate kami telah berjaya mendapat pingat perak.

Jaganraj a/l Selveraju (Perak dalam acara 16 tahun) telah mewakili Malaysia ke pertandingan "Asian Union of Karate-Do Junior's Tournament" (AUKO). Jaganraj juga telah memenangi pingat perak dalam acara 16 tahun. Beliau tewas dengan peserta Jepun iaitu Nasumi Yoneshige di peringkat Asia.

Saya sebagai setiausaha kelab ini ingin mengucapkan ribuan penghargaan kepada En. Veelurajan dan En. Subramaniam di atas segala tunjuk ajar, bimbingan serta galakan mereka. Kelab Karate ini berpegang teguh dengan prinsip toleransi. Ia mempunyai 32 orang ahli yang berdedikasi dan aktif. Akhir kata –

"MAJULAH KARATE UNTUK NEGARA"
"ORA ET LABORA"

Jaya Prakash a/l Jayasilan.
Setiausaha

KURSUS KEPIMPINAN KE ARAH PEMBINAAN KEYAKINAN DAN KESEDARAN DIRI

Tarikh : 15.7.94 – 17.7.94
(Jumaat – Ahad)
Tempat : Kem Temasya Rimba Templer Selangor Darul Ehsan
Penganjur : Unit Hal Ehwal Murid S.M. (L) Methodist Sentul dengan kerjasama guru-guru Bimbingan dan Kaunseling dan ahli UBS serta guru-guru sekolah yang terpilih.

Matlamat:

1. Melahirkan pemimpin-pemimpin pelajar yang dinamik serta insaf terhadap tanggungjawab sebagai seorang ahli masyarakat.
2. Mewujudkan kematangan diri, cara bertindak dengan waras dan bijak.
3. Melahirkan pemimpin yang mempunyai visi yang selaras dengan wawasan 2020.

Objektif:

1. Memupuk kesedaran atas sahsiah diri yang unik supaya dapat bertindak ke arah positif.
2. Memupuk semangat kerjasama, bertanggungjawab, dan toleransi antara ahli-ahli kumpulan.
3. Membina pemimpin-pemimpin pelajar yang berkeyakinan dan kreatif dalam menjalankan tugas.

Seramai 81 orang pelajar telah menyertai kursus kepimpinan ini. 40 dari Tingkatan 4, 34 dari Tingkatan 2, seorang dari Tingkatan 1 manakala 6 orang lagi (Pelajar Tingkatan 4) adalah pelajar UBS yang menjadi ko-fasilitator. Fasilitator-fasilitator pula adalah terdiri daripada 9 orang guru sekolah ini.

Rombongan ini telah bertolak pada hari Jumaat (15.7.94) pada pukul 3.15 petang dari sekolah menuju ke Kem Temasya Rimba Templer dengan dua buah bas sekolah. Sebaik sahaja sampai ke destinasi, pelajar-pelajar bekerjasama membawa alat-alat perkhemahan ke tempat perkhemahan.

Pelajar-pelajar kemudian ditempatkan di sebuah dewan untuk menjalankan aktiviti 'ice-breaking', pemilihan seorang penghulu dan pembentukan kumpulan. Sejumlah 8 kumpulan dibentuk dan setiap kumpulan dikehendaki melantik seorang ketua, penolong ketua dan seorang setiausaha. Peserta-peserta kemudian diberi taklimat ringkas tentang peraturan-peraturan perkhemahan dan setiap kumpulan telah diamanahkan dengan dua biji telur ayam mentah untuk dijaga sepanjang kursus ini dijalankan.

Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ialah ceramah, latihan dalam kumpulan, senamrobik, sukan, kembara malam dan pertandingan dinamik kumpulan. Sepanjang kursus ini, pelajar-pelajar dari 'bandar' ini telah berpeluang bermalam di dalam khemah binaan sendiri di dalam rimba.

Salah satu aktiviti yang bertujuan untuk membina semangat dan keberanian pelajar ialah kembara malam iaitu pelajar-pelajar dibawa melalui trek-trek rimba dan dibiar serta ditinggal-

kan seorang diri di dalam rimba untuk beberapa ketika.

Pada hari terakhir kursus ini iaitu pada hari Ahad sebelum peruntuhan khemah dan bersurai, penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang kumpulan dan individu telah diadakan dan pelajar-pelajar telah diberi sijil penyertaan. Pelajar-pelajar kemudian bertolak pulang pada pukul 1.00 p.m.

Melalui kursus ini, pelajar-pelajar dapat menimba pelbagai pengetahuan dan pengalaman yang mungkin tidak dapat dilupakan. Diharap peserta-peserta yang telah menjalani kursus ini dapat menggunakan segala yang telah dipelajari (sama ada secara formal atau tidak formal) untuk meningkatkan potensi diri bagi kebaikan diri dan masyarakat keseluruhannya.

Disediakan oleh:
Pn. Wong.

PENGALAMAN DI KURSUS KEPIMPINAN

Hari demi hari, angin membawa waktu siang menjadi malam. Satu peristiwa yang ajaib telah berlaku kepada diri saya ini yang ingin mengetahui erti kepimpinan. Saya merasakan diri saya seakan-akan dibawa oleh angin mengikut arah laluannya yang tidak menentu. Dengan keyakinan ini saya sudah bersedia untuk menghadapi segala halangan dan cabaran yang akan dilalui di dalam mencapai erti kepimpinan.

Masa yang dinanti-nantikan selama dua minggu sudah tiba. Saya telah menaiki bas yang tidak begitu selesa. Ketibaan di Kem Temasya Rimba Templer, Selangor Darul Ehsan yang selama ini ditunggu-tunggukan kini sudah menjadi kenyataan. Perasaan saya mula memarak dengan cuaca yang panas tetapi gembira. Dalam keadaan gembira, suara guru bertugas menyuruh semua pelajar masuk ke dalam dewan untuk diberikan taklimat.


Setibanya saya dan rakan-rakan lain, kami telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan Saya telah dipilih ke kumpulan I (satu). Seterusnya saya dan rakan-rakan lain bertungkus-lumus mengangkat dan memasang peralatan khemah yang disediakan. Apabila pembinaan khemah disiapkan, saya dan rakan-rakan lain begitu gembira walaupun dalam keadaan keletihan. Pada sebelah malam saya dan rakan-rakan lain ke dewan untuk mendengar ceramah oleh penceramah yang pertama. Setelah selesai saya berasa yakin dan bersemangat untuk mencapai erti kepimpinan semakin berdebar-debar. Selepas itu saya dan rakan-rkaan lain, merehatkan badan (tidur) untuk aktiviti esoknya.

Keesokan harinya, saya dengan semangat berkobar-kobar bangun untuk membuat senamrobik. Selepas itu saya dan rakan-rakan yang lain mendengar satu lagi ceramah oleh penceramah kedua. Penceramah tersebut memberitahu tentang kreativiti dalam kepimpinan. Semasa mendengar, saya hanya menumpukan pada setiap perkataan yang diperkatakan. Setelah selesai, naluri saya makin memarak dengan motif-motif yang diberikan oleh penceramah tersebut. Selepas itu saya dan pelajar-pelajar lain pergi makan tengahari. Apabila selesai makan, dalam keadaan yang panas terik satu lagi ceramah dibentangkan oleh penceramah ketiga iaitu penceramah yang terakhir. Penceramah ini memberitahu saya dan rakan-rakan lain yang kita ini tergolong dalam kumpulan juara. Ini telah menyemarakkan lagi semangat saya dan semakin hampir kepada erti kepimpinan. Pada sebelah malam, guru bertugas telah mengadakan satu aktiviti pengembaraan malam. Aktiviti ini menduga keupayaan diri atau rohani, mental dan fizikal masing-masing yang sering menghadapi perasaan takut dan gementar. Setelah aktiviti ini selesai saya merasakan diri saya ini mempunyai perasaan takut dan berani. Selepas itu saya dan rakan-rakan lain pun tidur.

Hari yang dinanti-nantikan telah tiba iaitu hari yang mendebarkan kepada saya dan rakan-rakan lain, hari yang terakhir yang menentukan saya dan rakan-rakan lain mendapat sijil atau tidak. Sebelum itu satu pertandingan kumpulan telah diadakan. Pertandingan ini adalah berbentuk jentera. Kumpulan saya memilih jentera kereta api. Seterusnya hari penyampaian hadiah dan sijil yang mendebarkan saya pun diadakan. Kumpulan saya telah mendapat banyak hadiah dan semua pelajar yang menyertai khusus ini mendapat sijil. Apabila selesai, upacara meruntuhkan khemah pula. Kumpulan saya menyiapkan tugas ini dengan cepat. Saya berasa amat gembira.

Akhir sekali saya berasa bangga dan gembira kerana berjaya menyertai kursus ini. Saya juga dapat mengerti maksud kepimpinan dengan jelas dan terang. Akhir kata, saya berjanji akan menjadi seorang juara, mempunyai sifat dedikasi dan juga mempunyai kreativiti dalam memimpin.

Oleh: Abdul Khadir b. Musthapa
4 Gemini


SUDUT
Eagle
SENTINEL '94
PEE SOON '94

KURSUS KEPIMPINAN

